


Jilid I
Bil. 68



Hari Khamis
20hb November, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 7573]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 [Ruangan 7598]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 [Ruangan 7598]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 20hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI J.M.K., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

Yang Berhormat DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALENG (Rajang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

Yang Berhormat TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K. S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K. Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PROJEK PERINDASTRIAN

1. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah Kumpulanwang Persekutuan yang diuntukkan kepada tiap-tiap negeri bagi projek-projek perindustrian di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan telahpun mengeluarkan pinjaman kepada semua Kerajaan-kerajaan Negeri bagi berbagai-bagai projek perindustrian termasuklah kemajuan bagi kawasan-kawasan perusahaan disepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Jumlah pinjaman-pinjaman yang telah diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri daripada tahun 1971 sehingga 30hb September, 1975 ialah sebanyak \$217,959,199.

Jumlah pinjaman bagi tiap-tiap negeri ialah seperti berikut:

(1) Melaka	...	...	\$18,805,100.00
(2) Selangor	...	...	14,354,610.00
(3) Kedah	...	...	17,572,103.00
(4) Perlis	...	...	5,520,000.00
(5) Trengganu	...	...	11,144,500.00
(6) Sabah	...	...	2,300,000.00
(7) Sarawak	...	...	11,741,000.00
(8) Negri Sembilan	...	...	19,600,000.00
(9) Johor	...	...	32,620,000.00
(10) Perak	...	...	20,015,000.00
(11) Kelantan	...	...	5,064,886.00
(12) Penang	...	...	38,300,000.00
(13) Pahang	...	...	20,922,000.00
Jumlah	...	...	<u>\$217,959,199.00</u>

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Kewangan samada peruntukan ini dibuat berasaskan kepada jumlah penduduk dalam tiap-tiap negeri itu ataupun rancangan-rancangan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri tersebut.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, pinjaman ini diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang mengadakan rancangan-rancangan perusahaan dan sememangnya Kerajaan Negeri bekerjasama dengan pihak FIDA dan Kementerian saya sendiri untuk mendapatkan peruntukan itu dengan tidak mengira jumlah penduduk dalam setiap Negeri.

BANTUAN KEPADA PENGANGGUR

2. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan peratus orang yang menganggur di negara ini dan samada beliau akan mengadakan satu Sekim Keselamatan Tempatan "Local Security" supaya penganggur diberi wang bantuan atau subsidi.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, kadar peratus orang-orang yang menganggur pada masa ini ialah lebih kurang 7%. Sungguhpun adalah menjadi salah satu matlamat dalam sesuatu Rancangan Keselamatan Sosial untuk mengadakan faedah-faedah bagi mereka yang menganggur, masa untuk memulakan sekim yang demikian adalah satu perkara yang terpaksa diputuskan atas dasar keutamaan, kemungkinan dan keperluan setelah ditimbang keadaan kewangan dan tenaga rakyat yang terdapat dalam sesuatu negeri. Di Malaysia, PERKESO telah mentadbirkan Sekim Bencana Kerja dan Keilatan sejak beberapa tahun yang lepas. Rancangan untuk meluaskan lagi liputan di bawah kedua-dua Sekim ini supaya lebih ramai pekerja-pekerja terutamanya di ladang-ladang dan lombong-lombong dapat menikmatinya sedang giat diusahakan. Bantuan-bantuan teknik dari Bangsa-bangsa Bersatu juga telah diperolehi untuk mengkaji jalan yang sebaik-baiknya bagi memberi perlindungan keselamatan sosial kepada petani-petani dan nelayan-nelayan yang pada masa ini tidak mendapat apa-apa faedah di bawah mana-mana sekim. Selain daripada itu, Pertubuhan Keselamatan Sosial juga berancang hendak memulakan sekim-sekim lain

yang meliputi sakit, bersalin dan kematian pencari nafkah yang akan menambahkan lagi faedah-faedah yang bakal diberi kepada pekerja-pekerja di bawah sekim-sekim yang sedia ada. Sementara itu, perhatian Kementerian yang sepenuhnya sedang diberi untuk mengadakan lebih banyak kerja melalui berbagai-bagai rancangan pembangunannya supaya peratus orang-orang yang menganggur dapat dikurangkan.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menerangkan berkenaan dengan pembangunan Sekim Keselamatan Tempatan. Adakah Kementerian beliau bercadang, dengan adanya kutipan-kutipan yang dibuat daripada Sekim Keselamatan ini, mengadakan rancangan simpanan modal supaya wang-wang kutipan itu dapat menambah faedah kepada sekim tersebut.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Biasanya wang tabung seperti ini telah ditanam dalam badan-badan yang tertentu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu adalah jawapan, jadi soalan itu bukanlah soalan lain.

MINI BAS

3. Datuk Albert Mah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kementerian beliau bercadang mengeluarkan lebih banyak lesen-lesen Mini Bas, kerana pengangkutan orang ramai kian hari kian menyusahkan, terutama sekali di kampung-kampung dan kampung-kampung baru yang tidak ada arah perkhidmatan bas, dan memandangkan seringkali berlaku pemogokan pekerja bas yang mengakibatkan kesusahan yang amat sangat kepada pengguna-pengguna bas, terutama sekali murid-murid sekolah.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebanyak 214 permit-permit telah dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha untuk menjalankan Mini Bas di Wilayah Persekutuan berbanding dengan Angka Matlamat bagi tahun 1975 sebanyak 300 buah permit. Keperluan untuk

perkhidmatan Mini Bas di pusat-pusat bandar yang lain adalah sedang dipertimbangkan tetapi setakat ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk mengadakan perkhidmatan tersebut dikampung-kampung baharu sebagaimana yang dicadangkan itu oleh kerana dijangka perkhidmatan itu tidak akan menguntungkan dari segi ekonomi.

Pemogokan pekerja bas yang mengakibatkan kesusahan kepada penumpang-penumpang itu sebenarnya tidak sering berlaku seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Berlakunya perkara ini adalah diluar dugaan sesiapa. Tetapi apakala berlaku pemogokan, perkhidmatan yang seperlunya atau "skeleton service" adalah diwujudkan dengan kerjasama pihak Polis dan Syarikat-syarikat Bas yang lain yang berkhidmat di sekitar tempat berlakunya pemogokan itu, untuk menampung dan melengkapkan keperluan pengangkutan di masa pemogokan itu.

Berhubung dengan kesusahan kepada murid-murid sekolah apakala berlaku pemogokan, Kementerian saya menggalakkan individu-individu untuk menjalankan perkhidmatan tambahan bas-bas sekolah yang memang khas untuk membawa murid-murid sekolah sahaja. Oleh itu, tidaklah perlu diadakan perkhidmatan Mini Bas bagi menggantikan Perkhidmatan Bas Sekolah ini.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa cukai jalan, "road tax" kepada Mini-mini Bas yang berada di Bandaraya Kuala Lumpur ini adalah agak mahal yakni lebih kurang \$1,600 sedangkan penumpang-penumpang yang dapat dimuatkan oleh Mini-mini Bas itu hanya 15 atau 16 orang sahaja, jadi seolah-olah bas besar dengan Mini Bas itu sama sahaja di road taxkan, Apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengurangkan bayaran "road tax" itu kepada Mini Bas yang telah dikeluarkan lesennya di Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan tambahan itu terkeluar daripada batas soalan yang pokok itu, saya minta notis.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu kerja Pengerusi. Pengerusi menentukan keluar atau tidaknya. Saya ingat ada kaitannya.

BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN BARANG GANTI KERETA (MOTOR-CAR SPARE-PARTS)

4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang sudah dan akan diambil oleh beliau bagi menolong Bumiputra mencebur diri dalam bidang perniagaan "Barang Ganti Kereta" dalam mana ternyata jurang perbezaan antara Bumiputra dengan bukan Bumiputra amat jauh sekali;
- (b) sebab-sebabnya harga barang ganti kereta itu sentiasa melambung tinggi dari masa ke semasa seolah-olah tuan punya gudang atau syarikat yang menjual barang ganti ini merasa hanya mereka sahajalah yang menentukan harganya dalam negara ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang giat menolong Bumiputra mencari peluang untuk mencebur diri dalam perniagaan barang ganti kereta. Satu dari usaha yang sedang dijalankan ialah dengan menambahkan lagi jumlah syarikat Bumiputra dilantik sebagai wakil penjual motorsikal, motor-kar dan lori yang dipasang di Malaysia. Wakil Penjual Bumiputra ini selain daripada menjual motorkar/lori dan motorsikal, mereka juga dikenakan syarat untuk menjual barang ganti kereta oleh syarikat-syarikat pemasang kereta di Malaysia.

Kemajuan dalam bidang ini dapat dilihat dari jumlah syarikat Bumiputra yang dilantik sebagai wakil penjual. Dalam tahun 1974 hanya terdapat 20 wakil penjual motorkar/lori di Malaysia. Dalam tahun 1975 terdapat 54 syarikat Bumiputra yang dilantik untuk menjadi wakil penjual motorkar dan lori. Bagi perniagaan motorsikal pula, dalam tahun 1973 hanya terdapat 33 wakil penjual motorsikal Bumiputra. Dalam tahun 1975 terdapat 110 syarikat Bumiputra yang menjadi wakil penjual motorsikal

Selain daripada usaha yang tersebut di atas, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terus berhubung dengan pengeluar-pengeluar barang ganti kereta yang telah diberi kelulusan untuk membuat barang tersebut di Malaysia supaya melantik syarikat bumiputra sebagai wakil penjual barang-barang mereka.

- (b) Sebagaimana yang telah dijelaskan di Dewan ini pada 30hb Oktober, 1975, Kementerian saya sedang mengkaji tindakan-tindakan yang boleh diambil untuk mengawal harga barang-barang gantian termasuk kedudukan pengedarannya. Jika perlu, Kementerian saya akan mengisytiharkan barang-barang ini sebagai barang-barang kawalan supaya pengkajian yang dalam lagi dapat dibuat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin saya menjelaskan bahawa sebahagian besar daripada bekalan alat barang ganti kereta yang digunakan dalam negeri ini adalah di-impor. Oleh itu, turun naiknya harga barang-barang ini bergantunglah kepada kos pengeluaran di negara-negara peng-ekspor, kemudahan perkapalan dan kedudukan setok barang-barang tersebut. Ini adalah di luar kawalan Kerajaan.

Untuk mengelakkan dari bergantung kepada luar negeri untuk bekalan barang-barang ini dan juga sebagai usaha-usaha untuk menstabilkan harga barang-barang ganti kereta, Kementerian saya telah mengalakkan penubuhan industri-industri yang mengeluarkan alat barang ganti kereta ini.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan berapa banyakkah usaha-usaha untuk mengeluarkan "spare-part" di negara ini dipunyai oleh Bumiputra dan bukan Bumiputra?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini berkehendakkan notis.

Tuan Mustapha bin Ali: Tidak mengapalah, Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawabnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh, sudah siap.

Tuan Mustapha bin Ali: Daripada industri-industri yang diluluskan dari antara 1970 hingga 1975, terdapat 70 buah semuanya, cuma lima sahaja yang dipunyai oleh Bumiputra.

BAYARAN PENYEMBELIHAN BABI

5. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar me nyatakan samada beliau sedar bahawa MAJUTERNAK mengenakan \$3.50 berbanding dengan \$2 dahulu sebagai bayaran sembelih untuk babi dan perutnya juga diambil oleh MAJUTERNAK. Dengan ini pengguna-pengguna terpaksa membayar lebih kerana bayaran sembelih tinggi. Samada beliau bercadang mengurangkan bayaran tersebut dan juga memulangkan perut-perut babi itu kepada tuan-tuan punyanya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar pihak MAJUTERNAK mengenakan pembayaran sebanyak \$2.50 seekor dahulu itu (tidak \$2 sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu) adalah upah menyembelih dan menyelor sahaja. Pembayaran sebanyak \$3.50 seekor yang dikenakan pada masa ini adalah upah menyembelih, menyelor dan mencuci (kecuali perut), hingga ke peringkat di mana daging-daging itu boleh dibawa ke pasar.

Saya tidak fikir kenaikan upah sebanyak \$1 itu boleh menyebabkan pengguna-pengguna terpaksa membayar lebih.

Berhubung dengan perut-perut dan isinya, mengikut peraturan sekarang ini ianya dipulangkan tetapi pemborong-pemborong dikenakan perbelanjaan mencuci perut-perut itu.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sungguhpun bayaran sekarang ialah \$3.50 tetapi tidak termasuk bayaran yang lain seperti "storage" dan Kerajaan atau Majuternak ambil balik perut-perut babi. Jikalau kita timbang bayaran yang lain seekor babi dikenakan bayaran lebih \$10. Ini adalah sangat tinggi dan sebab itu orang-orang bukan Muslim terpaksa membayar harga daging sangat tinggi. Adakah Majuternak bercadang membuat satu langkah untuk mengurangkan bayaran ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya pemborong-pemborong itu sanggup membayar upah mencuci, maka perut-perut itu boleh dipulangkan dengan bayaran lebih kurang di dalam \$1.40 hingga \$1.80 sahaja.

KEMATIAN DI HOSPITAL

6. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada statistik-statistik tepat sedang dikumpulkan mengenai sebab-sebab besar yang mengakibatkan kematian, dan samada pablisiti yang cukup diberi kepada orang ramai supaya membangkitkan rasa berwaspada tentang bahaya-bahaya besar terhadap kesihatan mereka.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan, dari sejumlah 63,522 kematian yang didaftarkan dalam tahun 1972, 20,140 kematian atau 31.7% disahkan oleh doktor, 2,135 kematian atau 3.4% diperiksa dan bakinya 41,247 kematian atau 64.9% adalah kematian yang tidak disahkan. Oleh kerana itu, maklumat mengenai sebab-sebab kematian di negara ini tidaklah begitu lengkap.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan mempunyai kesempatan mendapatkan maklumat yang tepat mengenai sebab-sebab kematian dengan mengkaji pengesahan-pengesahan kematian yang berlaku di hospital-hospital.

Publisiti yang secukupnya diberikan kepada sebab-sebab kematian yang timbul dari penyakit-penyakit yang berjangkit atau yang dapat dicegah. Sebagai tambahan, Kementerian telah mengambil langkah tegas dan mengadakan sebilangan rancangan kesihatan awam bagi mengurangkan kematian yang dapat dicegah. Rancangan-rancangan kesihatan bertujuan mengurangkan penyakit dan kematian yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan atas dasar nasional ialah:

- (i) Rancangan Kawalan Penyakit Tibi;
- (ii) Rancangan Pembasmi Malaria;
- (iii) Rancangan Kebersihan Alam Sekitar;
- (iv) Rancangan Pelalian melawan Penyakit Cacar, Difteria, Kancing Mulut, Batok Kokol dan Lumpuh;

- (v) Rancangan Anti-Demam Denggi Haemorrhagic;
- (vi) Rancangan Kawalan Makanan;
- (vii) Rancangan Amalan Pemakanan;
- (viii) Rancangan Pelajaran Kesihatan; dan lain-lain.

POST-MORTEM MAYAT DI HOSPITAL

7. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kesihatan menyatakan untuk mengurangkan kerumitan dan kesusahan yang dialami oleh keluarga mangsa kemalangan di masa hendak menuntut mayat-mayat di hospital disebabkan oleh ketiadaan satu cara yang tertentu oleh pihak hospital dan Polis, samada Kementerian beliau boleh membuat satu peraturan bagi menyenangkan keluarga-keluarga tersebut.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana yang saya sedar tidak ada sebarang kesusahan bagi waris-warisan atau saudara mara mangsa-mangsa kemalangan mengambil mayat-mayat yang mati akibat kemalangan itu dari hospital. Kes-kes kemalangan yang mati di hospital adalah kes-kes undang-undang perubatan dan tertakluk kepada undang-undang Negara. Jika pihak Polis berkehendakkan mayat-mayat itu diperiksa dengan cara post-mortem maka Pegawai-pegawai Perubatan terpaksa menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya dan selepas tamat post-mortem mayat-mayat itu boleh dikembalikan kepada waris-warisan atau saudara maranya dengan secepat mungkin supaya boleh dikebumikan pada hari itu juga.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa syarat-syarat post-mortem itu adalah tertentu. Saya ketahui bahawa satu daripada syarat-syarat post-mortem itu boleh dikecualikan ialah jika next of kin si mati itu boleh menandatangani satu surat pengakuan bahawa mereka tidak akan mendakwa. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa dengan ada pun surat pengakuan ini pihak polis dan pihak hospital enggan menyerahkan mayat-mayat itu tanpa post-mortem, kerana tidak ada peraturan yang tetap. Jika sedar, apakah cara-cara supaya perkara ini dapat diatasi.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu saya tidak sedar. Apa yang diatitkan oleh Kementerian ini adalah berkaitan dengan undang-undang negara. Akan tetapi, jika next of kin telah berhubung dengan polis dengan mendapat kebenaran daripada pihak polis, polis berasa puas hati maka kes itu boleh dilepaskan yakni tidak payah diadakan post-mortemnya. Jika tidak, pegawai saya terpaksa menjalankan post-mortemnya oleh kerana barangkali kes itu akan diambil oleh pihak mahkamah.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam proses menentukan surat akuan di bawah Akta Sumpah Tahun 1960 kebanyakan pihak next of kin biasanya menghadapi masalah terutama untuk membeli stamp. Kalau kejadian itu berlaku pada waktu malam, mereka tidak dapat membeli stamp, dan begitu juga tidak dapat pergi membuat sumpah di hadapan mejistret. Inilah kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh next of kin. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menghapuskan peraturan persumpahan di bawah Akta Sumpah Tahun 1960 itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidaklah bercadang untuk menghapuskan peraturan yang dikuatkuasakan pada hari ini untuk kebaikan next of kin misalnya barangkali ada soalan yang boleh berbangkit berkaitan dengan insurance claim dan sebagainya. Oleh itu, pihak hospital terpaksa mengadakan post-mortem dan memberikan sebab-sebab kematian kepada mahkamah. Dengan cara ini next of kin boleh mendapatkan claim daripada insurance policy sekiranya si mati telah membeli insuran.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada menyentuh berkenaan dengan perkara undang-undang, kata beliau bahawa dari segi undang-undang post-mortem ini kadang-kadang terpaksa dijalankan. Memandang kepada banyaknya sungutan-sungutan dan kesusahan-kesusahan yang dialami bukan sahaja oleh waris-warisan si mati tetapi mayat itu sendiri, tidakkah boleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan merekomendasikan kepada pihak yang berkenaan supaya undang-undang itu dipinda.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian apa-apa kelemahan yang sedang berlaku. Jikalau banyak kes-kes seperti itu berlaku, maka Kementerian saya akan mengkaji dengan lebih teliti lagi dan satu peraturan yang baharu akan diambil sesuaikan dengan kedudukan sekarang.

BUMBUNG "AIR WELL"

8. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada Dewan Bandaraya telah meluluskan sebarang permohonan untuk membumbungkan "air well" di mana permohonan-permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat undang-undang kecil yang ujud sekarang, jika tidak, mengapa.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Undang-undang yang ujud sekarang ini (Ordinan Perbandaran, 1958—Seksyen 167) membumbungkan "air well" tidaklah dibenarkan. Walau bagaimanapun, pindaan undang-undang telahpun dibuat bagi membolehkan kerja tersebut dijalankan di bawah "Uniform Building By Laws" yang belum lagi dikuatkuasakan.

Sementara itu kelulusan adalah diberi kepada permohonan-permohonan untuk membumbungkan "air well" dengan syarat-syarat mereka memenuhi peruntukan-peruntukan di bawah undang-undang yang baru itu.

SUNGUTAN TERHADAP JURURAWAT

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar akan sungutan-sungutan bahawa jururawat-jururawat yang dilatih dalam negeri ini tidak cekap menjalankan tugas dan apakah sebab-sebabnya.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada sungutan-sungutan yang mengatakan jururawat-jururawat tidak menjalankan tugas dengan cekap. Sebenarnya, sungutan-sungutan ini tidaklah kerap kali dibangkitkan dan tidaklah benar jika dikatakan mutu perkhidmatan Jururawat keseluruhannya telah jatuh disebabkan oleh kekurangan seorang-dua daripada ahli-ahli perkhidmatan tersebut. Dalam mana-

mana perkhidmatan atau kumpulan sekali-pun, mungkin terdapat seorang-dua yang tidak memuaskan. Sebagai langkah untuk menghapuskan kekurangan ini, Kementerian saya senantiasanya mengawasi latihan Jururawat-jururawat kita dan juga perkhidmatan mereka di hospital-hospital serta mengadakan "in service courses" untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pemeriksa bagi peperiksaan Jururawat-jururawat adalah terdiri daripada panel doktor-doktor pakar dan kelulusan dari Sekolah-sekolah Latihan Jururawat di negara kita adalah diperakukan mutunya oleh antara lain, General Nursing Council bagi England dan Wales.

LORI PERMIT "C"

10. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan berapa banyakkah permit "C" untuk lori-lori yang telah dikeluarkan bagi tahun 1972, 1973 dan 1974 bagi negeri-negeri Semenanjung Malaysia dan adakah benar angka-angka ini telah melebihi anggaran asalnya.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian pertama, jumlah bilangan Permit "C" untuk lori-lori yang dikeluarkan bagi negeri-negeri Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>				<i>Lesen "C"</i>
1972	...	...	...	1121
1973	...	...	...	2586
1974	...	...	...	3824

Bagi menjawab bahagian kedua, sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pengeluaran Permit "C" adalah berdasarkan kepada keperluan-keperluan pengangkutan pemohon-pemohon yang mengusahakan perniagaan mereka sendiri dan tidak diasaskan kepada mana-mana anggaran atau "quota". Oleh yang demikian, soal melebihi angka-angka anggaran itu tidak timbul.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ada sebahagian daripada lori-lori Permit-permit "C" ini mengambil sewa. Jadi dalam masaalah ini banyak lori-lori Permit "A" sudah terkandas dan tidak mampu untuk membayar cukai Permit "A".

Jika sekiranya sedar apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan akan dibuat oleh Kementerian berkenaan lori Permit "C" yang mengambil sewa itu.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soal penguat-kuasaan bagi pegawai-pegawai Kementerian saya dan jika ada kes specific seperti Yang Berhormat menyatakan itu boleh kemukakan kepada Kementerian saya, dan pegawai-pegawai saya akan siasat dan mengambil tindakan yang sesuai.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan tentang penyelarasan yang dibuat antara pengeluaran Permit "A" dengan pengeluaran Permit "C". Kerana sehingga ini mengikut maklumat yang saya dengar tentang banyaknya pengeluaran Permit "C" kepada mereka yang mempunyai perusahaan-perusahaan sendiri dan kebanyakan mereka itu terdiri dari bukan bumiputra. Sedangkan Permit "A" dikeluarkan kepada bumiputra yang hendak menjalankan perniagaan kenderaan, maka mengakibatkan empunya Permit "A" tidak ada orang-orang yang hendak mengupahnya. Apakah penyelarasan yang dibuat oleh Menteriannya berkaitan dengan hal tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan asal adalah berhubung dengan Permit "C". Kalau soal Permit "A", buat soalan lainlah lain kali.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Permit "C" ini dikeluarkan mengikut keperluan. Jadi, tidak ada quota dan sebagainya. Saya hendak tahu siapakah yang sebenarnya yang boleh menentukan keperluan-keperluan bagi pengeluaran Permit-permit "C" ini di dalam negeri ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, sesuatu permohonan yang telah dibuat dalam perkara ini mestilah berdasarkan kepada butir-butir yang telah diisi di dalam borang permohonan itu. Dan jika permit itu telah dikeluarkan berasaskan permohonan itu dan kemudian hari jika Kementerian mendapat tahu butir-butir itu salah, mungkin juga permit itu akan ditarik balik.

IBUSAWAT TALIPON KROH

11. Tuan Shamsuddin bin Din minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah beliau sedar bahawa pengguna-pengguna talipon di Kroh berasa tidak puas hati di atas perkhidmatan Talipon pada masa sekarang, kerana panggilan-panggilan talipon selalu sahaja tergendala dan pesawat rosak tidak dapat digunakan dengan sempurna semasa panggilan jauh. Jika sedar adakah Kementerian ini membuat rancangan untuk menukarkan sistem talipon yang ada sekarang kepada sistem Otomatik yang lebih sesuai dan jika ada, bilakah rancangan ini dimulakan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Ibusawat Talipon Kroh adalah bersambung kepada Ibusawat Pusat Kumpulan Sg. Petani (Sg. Petani Group Centre Exchange) dan adalah bergantung kepada Ibusawat Pusat Kumpulan ini untuk perjalanan semua panggilan-panggilan jauhnya. Perjalanan dawai talipon di atas tiang (overhead telephone wire route) menyambungkan Kroh dengan Sg. Petani (melalui Baling), ialah kira-kira 40 batu panjangnya berkelok-kelok melalui kebun-kebun getah. Dawai penyambung ini kerap kali rosak kerana keruntuhan dahan-dahan dan pokok-pokok, terutamanya di masa cuaca tidak baik dan menyebabkan perkhidmatan yang selalu tidak memuaskan.

Walau bagaimanapun, Jabatan Talikom sedar atas masalaah ini dan rancangan-rancangan sedang berjalan untuk menggantikan talian-talian dawai yang ada sekarang, dengan sistem radio yang sesuai. Tetapi malangnya oleh kerana letaknya bandar Kroh dengan Sg. Petani penggunaan sistem radio terus tidaklah sesuai melainkan melalui sebuah bukit baru sebagai stesyen pengulang (relay station). Bukit ini ialah Bukit Palong yang didapati sesuai untuk kegunaan ini, tetapi ianya adalah di dalam "kawasan keselamatan" dan perjalanan kaki-tangan dan pekerja-pekerja untuk "radio survey" dan lain-lain sentiasa tersekat. Oleh itu, Jabatan Talikom sedang mencari bukit-bukit yang lain yang mana boleh menyenangkan perjalanan keluar masuk supaya projek ini dapat dipercepatkan.

Kesusahan kepada pelanggan-pelanggan talipon di Kroh sentiasa ada dalam perhatian Jabatan Talikom dan perkara bagi mengadakan talian-talian perhubungan radio untuk

Kroh akan dipercepatkan dengan seberapa yang boleh. Ahli Yang Berhormat juga mungkin ingin tahu bahawa bersama dengan perbekalan talian-talian perhubungan radio, sistem talipon-talipon yang termoden dengan cukup muatan untuk memenuhi keperluan di masa akan datang dengan kemudahan panggilan sambung jauh terus dial yang lengkap akan juga diselaraskan.

KILANG-KILANG BERTARAF ANTARABANGSA

12. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan kilang-kilang bertaraf antarabangsa yang didirikan di Kota Bharu dan Kuala Trengganu. Jika tidak ada, bilakah ianya akan didirikan.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan Yang Berhormat itu saya tidak begitu jelas tentang apakah yang dimaksudkan dengan kilang-kilang bertaraf antarabangsa, samada ianya dimaksudkan sebagai kilang-kilang yang mempunyai penyertaan modal asing ataupun kilang-kilang yang hasil keluarannya ialah untuk diekspot ke luar negeri. Walaupun pengertian-pengertian yang lain. Jika maksud Yang Berhormat itu bererti di atas, hanya terdapat satu sahaja kilang yang diluluskan untuk Kota Bharu yang mempunyai penyertaan modal asing dan hasil keluarannya juga ialah untuk diekspot.

Di Kuala Trengganu pula terdapat tiga projek yang diluluskan yang mempunyai penyertaan modal asing dan keluarannya juga untuk diekspot. Walau bagaimanapun, satu daripadanya telah ditarik balik kelulusannya kerana projek tersebut telah tidak dilaksanakan.

KEMAJUAN PEMBANGUNAN KEPADA NEGERI-NEGERI KURANG MAJU

13. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan di bawah dasar memberi keutamaan kemajuan pembangunan kepada negeri-negeri kurang maju, apakah rancangan-rancangan Kerajaan yang telah dibuat ke arah itu dan setakat ini apakah rancangan-rancangan yang telah dilancarkan di Negeri-negeri Kelantan dan Trengganu.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai rancangan-rancangan yang akan dijalankan oleh Kerajaan, ianya akan terkandung di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dibentangkan dalam Dewan ini pada awal tahun hadapan. Oleh itu, saya harap Ahli Yang Berhormat dapat menunggu hingga ketika yang tersebut.

Mengenai rancangan-rancangan yang telah dilancarkan pula, ianya banyak, melibatkan kesemua Kementerian dan akan memakan masa yang panjang untuk diperkatakan satu-persatu. Rancangan-rancangan yang telah diusahakan oleh Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar sendiri pun banyak untuk diperincikan. Walau bagaimanapun, di antara yang penting yang telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua suka saya menerangkan adalah seperti berikut:

Dalam bidang pertanian, Jabatan Pertanian Persekutuan telah membelanjakan kira-kira \$5.7 juta di Negeri Kelantan dan jumlah yang kira-kira sama juga telah dibelanjakan di negeri Trengganu. Projek-projek termasuklah menjalankan pemeriksaan tanah (soil survey), bantuan tanaman ladang bagi pekebun-pekebun kecil, menanam berbagai-bagai tanaman dan rancangan menanam dan memulihkan semula kelapa, FAMA telah menjalankan kawalan pemasaran kelapa yang bertujuan untuk memberi layanan yang adil kepada petani-petani dari segi timbang-menimbang, memeringkat mutu dan menetapkan harga. FAMA juga menjalankan kawalan pemasaran kacang tanah dan projek perniagaan bagi tujuan menjual-beli hasil-hasil pengeluaran. Penglibatan FAMA dalam projek perniagaan menjual-beli dapat menstabilkan harga-harga. Demikianlah juga pusat memproses kacang tanah yang sedang di dalam pembinaan iaitu usaha-usaha dengan L.P.P. di Kasa, Kelantan dan sebuah kilang kacang tanah usaha bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Trengganu bersama-sama Persatuan Peladang telah menjalankan perusahaannya di Trengganu.

Jabatan Parit dan Taliair telah memulakan kajian mengenai lembangan Sungai Kelantan dan Sungai Trengganu untuk mendapatkan maklumat-maklumat perlu bagi menyediakan pelan induk bagi kemajuan dan pengurusan sumber-sumber air dan mengurangkan banjir.

Rancangan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pengairan dan saliran di bendang-bendang kecil yang terpencil di kedua-dua negeri itu telah juga dijalankan. Ini ialah termasuk sebanyak 127 buah rancangan kecil yang meliputi kawasan lebih kurang 20,000 ekar di Kelantan dan 73 buah rancangan yang meliputi lebih kurang 5,600 ekar di Trengganu.

Dalam bidang perikanan, Jabatan Perikanan telah memberi subsidi kepada nelayan-nelayan dan juga mengadakan infrastruktur yang diperlukan. Mengenai subsidi kepada nelayan-nelayan di Kelantan, di antaranya ialah subsidi membeli 38 buah enjin sangkut, 10 buah enjin dalam dan 53 utas pukat jaring dan yang bernilai kira-kira \$143,800, sementara di Trengganu pula ialah 30 buah enjin sangkut, 40 buah enjin dalam dan 140 utas pukat jaring yang bernilai kira-kira \$294,400. Berhubung dengan infrastruktur, Jabatan Perikanan telah membelanjakan sebanyak \$172,596 di Kelantan dan \$709,000 di Trengganu. Infrastruktur ini adalah termasuklah jeti, rumah api, ini termasuklah jeti, rumah api, rumah anak kapal dan sebagainya. MAJUIKAN telah menjalankan perniagaan air batu dan minyak dengan harga yang berpatutan kepada ahli-ahli persatuan nelayan, mendapatkan pinjaman daripada Bank Pertanian dan Perbadanan Jaminan Kredit untuk nelayan-nelayan membeli bot, enjin dan alat-alat menangkap ikan, menjalankan sekim kawalan pemasaran ikan bagi menguruskan kompleks pemasaran ikan. MAJUIKAN juga mengadakan projek menangkap ikan menggunakan bot-bot beraneka jenis termasuklah bot-bot pukat tunda dan lain-lain.

Dan di samping itu Bank Pertanian telah memberi kredit kepada petani-petani dan juga nelayan-nelayan di Negeri Kelantan dan jenis-jenis pinjaman seperti:

- (a) Kredit jangka pendek pengeluaran padi;
- (b) Kredit jangka pendek pengeluaran dan pemasaran tembakau;
- (c) Jentera Pertanian;
- (d) Lain-lain tanaman;
- (e) Ternakan;
- (f) Perikanan;
- (g) Pembelian/Kemajuan Tanah;
- (h) Perusahaan Pertanian; dan
- (i) Kemajuan ladang.

yang melibatkan sebanyak 81,413 peminjam dan wang sebanyak \$18,270,910, telah dapat diberi oleh Bank Pertanian semenjak tahun 1970 hingga September, 1975 ini. Dan begitu juga di Negeri Trengganu pinjaman-pinjaman sebagaimana yang saya sebutkan itu telah melibatkan sebanyak 30,233 petani yang mana wang bernilai \$11,771,673, telah dikeluarkan kepada petani-petani dan nelayan-nelayan di seluruh Negeri Trengganu oleh Bank Pertanian.

Sementara itu L.P.P. telah memberi kemudahan kejenteraan di Negeri Kelantan yang berjumlah \$491,657 dan juga memberi bantuan kejenteraan kepada peladang-peladang di Negeri Trengganu yang berjumlah \$240,907. Di samping itu, beberapa buah pusat-pusat kemajuan peladang telah didirikan di Negeri Kelantan dan juga di Negeri Trengganu di samping kredit untuk modal pusingan peladang-peladang di kedua-dua buah negeri itu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ialah di dalam bidang ternakan. Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah melaksanakan rancangan-rancangan pawah. Rancangan pernian beradas dan rancangan-rancangan melipatgandakan perusahaan ternakan ayam, dan dalam bidang kemajuan masyarakat, Jabatan Kemajuan Masyarakat telah menjalankan aktiviti-aktiviti seperti mengadakan Kelas-kelas TADIKA, Ekonomi Rumah Tangga dan rancangan-rancangan desasusaha dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian untuk penerangan ringkas.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah cukuplah penerangan itu.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar apa yang dikatakan bahawa FAMA telah memberi pertolongan kepada petani-petani di Pantai Timur. Dan apa yang saya hendak tanya sewaktu harga hasil pertanian ini merosot misalnya seperti harga kacang tanah, tembikai dan sebagainya, maka pihak FAMA negeri tidak dapat membuat apa-apa. Apabila ditanya maka jawabannya, "kami pun tidak ada tempat untuk dipasarkan". Jadi, harganya tidak dapat ditolong oleh FAMA.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi, apa soalan tambahannya?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Itulah saya bertanya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar dan apakah tindakan yang dibuat untuk mengatasinya?

Kedua, mengenai subsidi enjin-enjin motor sangkut. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu pihak Kementeriannya telah memberi banyak enjin motor sangkut kepada nelayan-nelayan. Jadi, saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa enjin-enjin subsidi telah diberikan kepada nelayan itu dijalankan dengan betul ataupun setakat apabila setelah diberi tidak peduli apakah ketunaan enjin itu sehingga menyebabkan setengah-setengahnya berlaku penyelewengan, perkelahian dan ada yang menjual dan sebagainya. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, kalau sedar apakah tindakan yang akan diambil?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan kemerosotan harga kacang tanah baru-baru ini, memang saya sedar dan saya dapat tahu sebab-sebab, punca-punca kemerosotan ini ialah disebabkan petani-petani di negeri Trengganu telah menanam dengan serentak yang begitu banyak pengeluaran hasil kacang tanah yang mana menyebabkan FAMA agak lemah sedikit untuk menjalankan pemasaran ini disebabkan kilang-kilang memproses kacang tanah ini telah penuh kacang tanah dan tidak dapat memproses. Walaupun begitu pihak Lembaga Pertubuhan Peladang telah mengeluarkan wang lebih kurang \$200,000 untuk mengambil tindakan segera bagi membeli kacang tanah ini daripada harga \$19 telah naik menjadi \$22 dan dapat memberi pertolongan kepada petani-petani di dalam kawasan itu. FAMA dengan Lembaga Pertubuhan Peladang adalah bekerjasama di dalam soal pemasaran ini untuk memberi pertolongan kepada petani-petani.

Bagi menjawab soal mengenai enjin-enjin subsidi yang disalahgunakan oleh nelayan-nelayan ini, sebenarnya mengikut peraturan sebelum subsidi dikeluarkan maka kajian-kajian telah dibuat oleh pihak Jabatan Perikanan kepada mereka yang betul-betul memerlukan subsidi ini dan mendapat sokongan-sokongan daripada Persatuan

Nelayan yang ada di dalam kawasan tersebut. Tetapi walau bagaimanapun, jika sekiranya ada sebarang penyelewengan yang serupa ini, saya harap pada masa yang akan datang pihak Kementerian ini akan mendapat kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan tersebut untuk meneliti keadaan yang serupa ini supaya jangan berulang lagi.

ANGGOTA PASUKAN POLIS

14. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan tambahan penduduk-penduduk dan perkembangan bandar di Malaysia, adakah beliau bercadang supaya bilangan anggota Pasukan Polis ditambah bagi menegakkan keselamatan di seluruh negara kita.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, soalan seumpama ini telah dijawab pada 2hb April, 1975 yang lalu.

BAS MARA—PELUANG BUMIPUTRA

15. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan:

- (a) berapa buahkah syarikat-syarikat bas yang dijalankan oleh MARA di Semenanjung Malaysia;
- (b) samada syarikat-syarikat bas ini mendapat keuntungan dan sejauh mana mereka berjaya membimbing Bumiputra dibidang ini; dan
- (c) berapa buah syarikat-syarikat bas MARA itu yang telah diserahkan kepada syarikat-syarikat bumiputra atau kepada Bumiputra perseorangan.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat):

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini MARA sedang menjalankan 9 buah syarikat kenderaan bas. Memanglah menjadi kelaziman perniagaan bahawa ada kalanya perniagaan mendapat keuntungan dan ada kalanya rugi mengikut "keadaan" dan "suasana" perniagaan itu. Daripada 9 buah syarikat yang masih dijalankan, 5 daripadanya memperoleh

keuntungan, dan 3 lagi diharap akan mendapat keuntungan dalam setahun dua lagi.

- (b) Syarikat-syarikat ini bukan sahaja memberi peluang-peluang kerja kepada bumiputra perseorangan tetapi dapat juga melatih mereka supaya mahir dalam perusahaan itu. Setakat ini syarikat-syarikat ini telahpun memberi peluang kerja kepada 525 orang. Dicapai jumlah ini sebanyak 7 orang adalah dalam Kumpulan Pengurusan, 78 orang dalam Kumpulan Perkeranian dan Teknik dan 440 orang dalam Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar.
- (c) Sehingga hari ini, MARA telahpun menyerahkan sebanyak 24 buah projek kepada bumiputra atau kepada golongan bumiputra.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan setelah penyerahan bas-bas MARA itu kepada syarikat bumiputra atau golongan bumiputra, adakah satu-satu kawalan atau pengawasan dijalankan oleh MARA pada syarikat-syarikat bumiputra itu untuk menjamin supaya syarikat itu berjalan dengan baik pada mengendalikan syarikat yang diserahkan pada mereka.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, ada setengah daripada syarikat-syarikat bas yang diserahkan oleh MARA kepada bumiputra secara penuh dan ada sebahagian daripada syarikat-syarikat itu masih lagi mempunyai hubungan dengan MARA dari segi pentadbiran dan pengurusanannya. Bagi syarikat-syarikat yang sedemikian masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu memang diambil perhatian dan tindakan daripada semasa ke semasa.

Bagi syarikat-syarikat yang telahpun dimiliki langsung, kalau mereka memerlukan pertolongan daripada MARA dari segi nasihat dan sebagainya perkara ini boleh diberi oleh MARA.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah pihak MARA bercadang untuk menyerahkan syari-

kat-syarikat bas express Kuala Lumpur-Trengganu ataupun Kuala Lumpur-Kota Bharu kepada pihak swasta?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, memanglah tujuan Kerajaan supaya anak-anak syarikat atau perniagaan yang dijalankan oleh badan-badan berkanun ini diserahkan kepada bumiputra pada akhirnya. Setakat ini masalah penyerahan ini, sebagaimana saya telah maklumkan, sedang dikaji oleh sebuah Jawatankuasa Tetap yang akan menentukan garis-garis penyerahan hak-milik badan-badan awam ini kepada bumiputra. Jawatankuasa ini tidak berapa lama lagi akan mengemukakan kepada Kerajaan cadangannya dan diharap selepas Kerajaan menimbang atau memutuskan tentang garis-garis yang akan ditetapkan itu, maka masalah penyerahan akan cuba kita laksanakan dengan seberapa segera.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana sebahagian besar daripada syarikat-syarikat bas yang diserahkan oleh MARA kepada bumiputra ini di luar bandar dengan jalan yang pendek dan rosak, kurang baik yang menyebabkan selalu kerosakan bas dan mengalami kerugian, apakah kemudahan-kemudahan yang boleh diberikan kepada syarikat-syarikat bas ini seperti mengurangkan bayaran road tax atau sebagainya.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ini memanglah satu masalah yang kita akui wujud tetapi dari segi penyelesaiannya bukan termasuk dalam bidang kuasa Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam sendiri kerana ada hubungannya dengan Kementerian Kewangan. Namun demikian, perkara yang serupa ini telahpun dikemukakan terutama dari segi hendak menentukan bahawa usaha-usaha yang telahpun diambil-alih ini akan dapat berjalan dengan sempurna walaupun usaha-usaha itu pada setakat ini masih mengalami kesukaran dari segi perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh syarikat-syarikat ini di dalam mengadakan perkhidmatannya. Perkara ini saya akan ambil perhatian dan akan membawanya kepada pihak yang bertanggungjawab.

ORDINAN DADAH BERBAHAYA

16. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan.

- (a) bilangan orang yang bersalah di bawah Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1975 telah dihukum mati atau penjara seumur hidup; dan
- (b) bilangan Pegawai-pegawai yang bertugas dalam Pejabat Biro Narkotik,

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dewasa ini belum pernah ada sesiapa pun dikenakan hukuman bunuh atau penjara seumur hidup di bawah Ordinan Dadah Berbahaya (Pindaan) 1975. Walau bagaimanapun seramai tiga belas orang telahpun didakwa semenjak Undang-undang ini diluluskan pada 29-4-1975 yang membawa hukuman bunuh sebagai maxima. Kes-kes terhadap mereka yang berkenaan sedang berjalan.
- (b) Pada masa ini Pusat Biro Narkotik Malaysia, adalah dianggotai oleh dua belas (12) orang Pegawai-pegawai Kanan termasuk Pengarah dan dua belas (12) orang Pegawai Rendah yang lain.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Memandang tugas Biro Narkotik dalam keadaan dadah yang begitu bermaharajalela sekarang, adakah Yang Berhormat Menteri memikirkan cukup dengan pegawai yang seramai itu, kalau tidak cukup adakah rancangan hendak menambah supaya sesuai dengan tugasnya?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita memandang keadaan sekarang ini sememangnya tidak mencukupi dan saya sedang berikhtiar menambah bilangannya tetapi memandang keadaan ekonomi kita pada hari ini saya hendak memikirkan dengan sehalus-halusnya samada hendak ditambah, kalau hendak ditambah berapakah bilangan yang boleh diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Tetapi memandang bahayanya yang telah bertambah merebak ini, saya akan merayu pada Kerajaan untuk menambahkan bilangan

pegawai yang 12 orang Pegawai Kanan dan 12 orang Pegawai Rendah itu tidak mencukupi bagi seluruh Malaysia. Tetapi selain daripada ini kita ada anggota Polis diseluruh Malaysia dan juga pihak Pegawai Kastam, kedua-dua pihak ini ada kuasa untuk mencegah dan juga menangkap orang yang menyeludup dengan menggunakan dadah ini. Dengan 3 Jabatan ini rasanya dapat dikawal tetapi saya memberi jaminan di sini saya akan merayu menambahkan bilangan Pegawai Biro Narkotik ini.

CUKAI PERKHIDMATAN BAGI RESTORAN

17. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kewangan menyatakan.

- (a) adalah beliau sedar bahawa ada perniagaan restoran yang terdapat dalam satu bangunan terletaknya rumah-rumah tumpangan, terpaksa ditutup atau sedang menghadapi kerugian kerana terpaksa membayar 5% cukai perkhidmatan, maka keadaan mereka tidak menguntungkan berbanding dengan restoran lain; dan
- (b) adakah Kerajaan akan menimbang menghapuskan 5% cukai perkhidmatan di restoran-restoran seperti ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejauh mana yang saya ketahui tidak ada restoran yang telah ditutup semata-mata oleh kerana cukai perkhidmatan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar Kerajaan telah mengumumkan pada masa yang lalu bahawa ia akan mengecualikan hotel-hotel yang mempunyai 6 bilik ke bawah daripada membayar cukai perkhidmatan. Oleh itu, restoran-restoran yang terletak dalam bangunan yang sama dengan hotel-hotel itu akan juga dipertimbangkan untuk pengecualian daripada cukai ini. Permohonan-permohonan ini akan dipertimbangkan mengikut kepada meritnya dan tertakluk kepada pematuan syarat-syarat asas.
- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan cukai perkhidmatan dalam keadaan-keadaan ini.

TANGGAGAJI GURU-GURU UNIVERSITI TAIWAN/NANYANG/KOLEJ NGE ANN

18. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan gred dan tanggagaji guru-guru lepasan Universiti-universiti Taiwan dan Nanyang dan Kolej Ngee Ann yang juga mempunyai Diploma dalam Pendidikan yang mengajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah jenis kebangsaan di bawah Lapuran Aziz.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Guru-guru yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat yang telah memasuki Sekim Aziz untuk tujuan pemindahan gaji bersih mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971 bertarikh 15hb Disember, 1971, gred dan tanggagaji mereka adalah seperti berikut:

(a) Guru-guru yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sastera atau Sarjana Muda Sains dari Universiti-universiti Taiwan dan Nanyang (Singapura) serta Diploma Pendidikan dari Universiti Malaya atau setaraf dengannya adalah ditempatkan ke dalam Kategori D3 dan tanggagajinya ialah $\$640 \times 40-720/760 \times 40-960/1,000 \times 50-1,200$; dan

(b) Bagi guru-guru yang tidak mempunyai Latihan Perguruan adalah ditempatkan ke dalam Kategori D6 dan tanggagajinya ialah $\$520 \times 40-600$.

- (ii) Bagi mereka yang telah dilantik selepas tarikh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971, gred dan tanggagaji mereka adalah seperti berikut.

(a) Guru-guru yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti-universiti Taiwan dan Nanyang (Singapura) serta Diploma Pendidikan dari Universiti Malaya atau setaraf dengannya telah dilantik ke dalam Kategori D3 dan tanggagajinya ialah $\$640 \times 40-720/760 \times 40-960/1,000 \times 50-1,200$;

(b) Guru-guru yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti-universiti Taiwan dan

Nanyang (Singapura) serta Diploma Pendidikan dari Universiti Malaya atau setaraf dengannya telah dilantik ke dalam Kategori C1 dan tanggagajinya ialah $\$430 \times 30-490/520 \times 30-670/700 \times 30-820/850 \times 30-1,000$;

- (c) Guru-guru yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Kolej Ngee Ann, Singapura serta Diploma Pendidikan dari Universiti Malaya atau setaraf dengannya telah dilantik ke dalam Kategori C2 dan tanggagajinya ialah $\$310 \times 30-370/400 \times 30-550/580 \times 30-700/730 \times 30-880$; dan

- (d) Bagi Guru-guru yang mempunyai Ijazah seperti (ii) (a), (b) dan (c) di atas tetapi tanpa latihan Perguruan yang telah dilantik sebagai guru-guru sandaran atau "attachment" telah dibayar gaji tetap sebanyak \$350 sebulan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (19hb November, 1975).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,982,785,649 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan

Pembangunan Sementara yang dinyatakan dibawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 tahun 1975, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. (19hb November, 1975).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri-menteri untuk menjawab.

3.33 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil berat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya dan memberikan idea-idea dan cadangan-cadangan yang berharga.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru dan dari Sungai Siput telah membangkitkan soal perumahan bagi pekerja-pekerja ladang. Saya ingin menyentuh tentang perkara ini dahulu.

Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri satu tabung pusingan telah ditubuhkan bagi membantu pekerja-pekerja untuk memiliki rumah sendiri. Sebagai permulaannya jumlah peruntukan tabung tersebut ialah sebanyak \$10 juta. Di bawah Sekim ini, pekerja-pekerja di ladang-ladang dan di lain-lain tempat pekerjaan adalah layak untuk memohon pinjaman dari tabung ini. Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru akan mentadbirkan tabung ini dan Kementerian itu akan juga menubuhkan Jabatan Perumahan untuk membekalkan bantuan teknik dan lain-lain bagi membantu pemohon-pemohon untuk memiliki rumah-rumah mereka sendiri.

Beberapa buah Sekim perumahan telahpun dirancang dan saya ingin merayu kepada majikan-majikan di ladang-ladang dan di perusahaan lombong untuk mengadakan lebih banyak lagi sekim-sekim perumahan bagi pekerja-pekerja mereka. Ladang-ladang yang besar, terutama sekali, tentulah mampu untuk memperuntukkan tanah-tanah yang sesuai bagi pekerja-pekerja mereka.

Sekarang saya ingin mengulas tentang lain-lain perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-dari Sungai Siput.

Piawaian perumahan yang didirikan di ladang-ladang bagi pekerja-pekerja mereka adalah ditetapkan di dalam Undang-undang, dan dikuatkuasakan oleh Kementerian saya. Secara am, piawaian perumahan ini adalah baik, dan tindakan adalah sentiasa diambil untuk menentukan bahawa piawaian yang ditetapkan itu adalah sentiasa dipatuhi dan juga, jika perlu, satu rancangan perumahan baru dijalankan untuk menggantikan bangunan-bangunan lama yang tidak memuaskan itu. Ada sebilangan ladang-ladang yang mendirikan rumah-rumah yang mana piawaiannya adalah lebih tinggi daripada yang dikehendaki oleh undang-undang.

Mengenai tanah bagi tanaman dan ternakan adalah benar tidak semua majikan-majikan boleh membekalkan tanah-tanah yang sesuai dan cukup untuk kegunaan itu. Adalah juga benar iaitu di setengah-setengah ladang-ladang, sambutan dari pekerja-pekerja juga adalah tidak begitu menggalakkan. Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan "Buku Hijau" sebilangan besar majikan-majikan dan pekerja-pekerja sedang giat menjalankan aktiviti-aktiviti tanaman dan ternakan lembu. Dalam perkara ini, terdapat kerjasama yang rapat di antara pihak pengurusan dan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang berkenaan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul daripada perlaksanaannya. Tanah sebanyak 1/16 dari satu ekar bagi tiap-tiap seorang pekerja yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput itu, adalah bagi keadaan biasa sahaja, akan tetapi bagi tujuan "Buku Hijau" berbagai-bagai sekim yang dijalankan tidaklah dihadkan oleh peruntukan ini yang hanya merupakan had minima yang perlu diperuntukkan.

Lawatan-lawatan pemeriksaan ke ladang-ladang adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai yang terlatih di dalam tugas-tugas ini. Kecuali jika lawatan secara mengejut diperlukan, peraturan-peraturan adalah dibuat terlebih dahulu supaya Pengurus ladang tersebut boleh dapat membantu pegawai pemeriksa itu dengan cara mengemukakan buku-buku gaji dan lain-lain untuk diperiksa dan juga untuk menerangkan pertanyaan mengenai tenaga kerja. Lawatan-lawatan adalah dibuat

di sebelah petang supaya pegawai pemeriksa itu dapat berjumpa dengan pekerja-pekerja dan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja selepas mereka menjalankan tugas harian mereka. Yang demikian, lawatan-lawatan adalah dijalankan dengan tujuan untuk menentukan bahawa semua aspek-aspek undang-undang adalah dipatuhi, dan dalam perkara ini, pekerja-pekerja mempunyai peluang untuk mengemukakan aduan-aduan mereka kepada pegawai pemeriksa.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh tentang pengenejian kerja dan faedah-faedah pengenejian kerja. Dalam Tatacara Untuk Keharmonian Perusahaan yang diterbitkan oleh Kementerian saya yang telah ditandatangani oleh Majlis Pertubuhan Majikan-majikan Tanah Melayu, dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, mana-mana majikan termasuk tuan-tuan punya ladang getah yang hendak menjual tanahnya untuk projek perumahan adalah dinasihatkan supaya mematuhi tatacara ini supaya mengelakkan seboleh-bolehnya kesusahan dari berlaku kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerjanya, dengan cara perbincangan dengan Kesatuan Sekerja yang berkenaan untuk bayaran pampasan, mencari kerja lain kepada pekerja-pekerja yang terlibat dan memberitahu pekerja-pekerja dengan awal-awal lagi dan lain-lain.

Berapa banyakkah yang patut dibayar untuk faedah pengenejian kerja (retrenchment benefits) adalah mengikut persetujuan antara pekerja berkenaan dengan majikannya. Jika gaji pekerja itu tinggi maka bayaran pengenejian mungkin tinggi juga dan jika rendah maka mungkin rendahlah pula bayarannya. Bagi ladang-ladang getah yang menjadi ahli Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) pekerja-pekerja dibayar faedah pengenejian—kerja mengikut perjanjian di antara Persatuan itu dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja ladang (NUPW).

Berkenaan dengan Tatacara untuk Keharmonian Perusahaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, saya ingin menerangkan bahawa saya adalah sedar akan aduan yang menyatakan tatacara itu tidak dipatuhi sepenuhnya oleh majikan-majikan dan juga pekerja-pekerja. Seperti Yang Berhormat itu sedia maklum Tatacara untuk Keharmonian Perusahaan itu adalah satu langkah bersama

yang diambil oleh Kerajaan, majikan dan juga pekerja-pekerja untuk mengujudkan keharmonian dalam perusahaan. Ini adalah satu langkah yang progresif dan akan mengambil sedikit masa bagi kesemua majikan untuk mematuhinya.

Perhubungan Perusahaan adalah khususnya Perhubungan manusia, dan yang demikian walau berapa banyak pun undang-undang yang dikuatkuasakan, ia tidak akan dapat menyelesaikan masalah yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Apa yang perlu ialah penukaran sikap semua pihak yang berkenaan. Kementerian saya adalah sedang mengambil beberapa langkah supaya tatacara ini dipatuhi dengan sepenuhnya oleh pekerja-pekerja dan majikan-majikan dalam kesemua industri dengan lebih meluas untuk difahami dan dipatuhi.

Mengenai komen dari Ahli Yang Berhormat dari Alor Star mengenai komposisi tenaga kerja, saya berharap semua majikan-majikan akan terus memberi kerjasama kepada Kerajaan, dan kepada semua jabatan-jabatan yang berkaitan dengannya, dalam melaksanakan dasar yang dipersetujui atas perkara ini. Dasar ini ialah untuk memberi pembahagian pekerjaan yang adil kepada warganegara kita dengan tidak mengira bangsa dan keturunan mereka.

3.46 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mata Kuching yang telah menyentuh Kerajaan Tempatan dengan mengatakan peruntukan sebanyak \$218 juta telah dibuat di bawah caruman kepada tabung-tabung berkanun dalam tahun 1976. Dan beliau telah menyeru supaya wang itu digunakan dengan bijaknya untuk bantuan kepada Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan Ahli Yang Berhormat itu dengan menyatakan bahawa peruntukan itu bukanlah dimaksudkan untuk bantuan kepada Kerajaan Tempatan. Yang sebenarnya, peruntukan itu adalah untuk badan-badan berkanun dan bukan untuk Kerajaan Tempatan. Saya berasa terkejut juga, Tuan Yang di-Pertua, kerana Ahli Yang Berhormat itu telah menabur pujian di atas tindakan Perbandaran Ipoh, kerana

tidak menyemak semula kadar cukai pintunya bagi tahun hadapan, sepatutnya beliau menzahirkan perasaan kebimbangan di atas tindakan tersebut. Saya berkata demikian kerana Perbandaran itu telah melaksanakan Lapuran Harun dengan habis membelanjakan wang simpanannya. Dalam perkara ini harus saya menyatakan di sini iaitu penilaian semula harta benda dalam kawasan perbandaran Ipoh telah tidak dibuat semenjak penilaian semula yang akhir dalam tahun 1954. Saya juga suka mengambil peluang ini untuk memberitahu Ahli Yang Berhormat itu iaitu punca utama hasil sebarang Penguasa Tempatan ialah daripada cukai pintu. Hasil daripada cukai pintu inilah yang digunakan untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran dan pembangunan Penguasa Tempatan itu. Langkah Perbandaran Ipoh itu adalah satu langkah yang mundur. Oleh sebab boleh dikatakan semua Penguasa Tempatan di Semenanjung Malaysia sedang menyemak semula kadar cukai pintu masing-masing termasuklah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Selain daripada menambah hasil sesuatu Penguasa Tempatan peluang ini telah diambil untuk menyelesaikan kadar cukai pintu yang tidak adil yang harus wujud pada masa ini. Inilah yang telah dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan langkah ini telah diterima dengan baik sebagaimana yang dibuktikan daripada kenyataan-kenyataan akhbar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Undang-undang Kerajaan Tempatan ada peruntukan untuk membolehkan pembayar-pembayar cukai yang tidak puashati mengemukakan bantahan kepada penguasa tempatan yang berkenaan. Saya patut memberitahu iaitu cara pembayar-pembayar cukai dalam kawasan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan membuat bantahan terhadap penyemakan semula kadar cukai pintu dengan membuat rayuan beramai-ramai adalah tidak betul. Seksyen 62 (4) Ordinan Municipal membentangkan cara bantahan-bantahan boleh dibuat dengan bertulis kepada Yang di-Pertua sekurang-kurangnya 14 hari sebelum masa yang ditentukan untuk penyemakan semula itu. Dalam Seksyen 63 (1) pula pembayar-pembayar cukai yang tidak puashati itu diberi peluang untuk mengemukakan bantahannya sendiri atau melalui wakil yang diberi kuasa. Inilah cara yang patut diambil untuk membuat sebarang bantahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat itu kerana pandangannya terhadap Bandaraya Kuala Lumpur. Memanglah menjadi dasar Kerajaan hendak menggalakkan seberapa banyak kemajuan kepada Bandaraya Kuala Lumpur untuk menjaga maruah dan tarafnya sebagai Ibukota Negara. Dengan sebab itu, Kerajaan telah melancarkan rancangan pembaharuan bandar melalui UDA dengan sumbangan semula bangunan-bangunan lama, kawasan-kawasan sesak dan sebagainya dengan bangunan-bangunan yang tersergam indah. Selain daripada itu, projek-projek sosial seperti pembinaan parit, pembangunan najis, jalanraya, rumah-rumah kediaman dan lain-lain akan terus dilaksanakan. Pihak Dewan Bandaraya sendiri telah menyusun dan mengatur rancangan pembangunannya pada tiap-tiap tahun dan mempunyai rancangan istimewa untuk menambah keindahan Kuala Lumpur. Bagi tahun 1976 Dewan Bandaraya bercadang membelanjakan lebih kurang \$48 juta di atas projek-projek pembangunan. Ini membuktikan dengan jelasnya bagaimana perhatian yang berat sentiasa diberi kepada usaha memaju dan menambahkan keindahan Bandaraya ini selaras dengan tarafnya.

3.54 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah akan mengambil masa yang panjang, hanyalah untuk menjelaskan satu perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar di dalam ucapan beliau pada 14hb November yang lalu yang menyatakan bahawa orang-orang yang menghisap dadah tidak boleh ditangkap melainkan mereka didapati sedang menghisap dadah itu. Beliau juga mencadangkan bahawa selain daripada memberi nasihat kepada mereka yang menggunakan dadah untuk pergi ke Pusat Pemulihan, undang-undang patut juga diadakan untuk memberi kuasa kepada Kerajaan menghantar mereka itu ke Pusat-pusat Pemulihan apabila telah diketahui dan disahkan yang mereka itu adalah penagih-dadah.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa di bawah Akta Dadah Berbahaya (Pindaan), 1975 Seksyen 33 (b) ada peruntukan bagi membolehkan Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik oleh

Menteri Kebajikan Am atau sebarang Pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau seseorang Pegawai Biro Narkotik boleh mengarahkan seseorang yang disyaki sebagai penagih dadah untuk menjalani pemeriksaan perubatan atau pemerhatian oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan. Jika keputusan dari pemeriksaan atau pemerhatian itu didapati oleh Pegawai Perubatan Kerajaan memerlukan seseorang itu untuk mendapat rawatan, maka Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pegawai Polis atau seseorang Pegawai Biro Narkotik akan mengarahkan seseorang itu untuk menjalani pemulihan di dalam yayasan yang telah diluluskan bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, jika seseorang itu masih enggan untuk menjalani rawatan, ia bolehlah dibawa kepada mahkamah dan mahkamah bolehlah memerintahkannya masuk ke Pusat Pemulihan.

3.56 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian saya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1976. Teguran-teguran dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian saya.

Walaupun bagaimanapun, di sini saya ingin memberi penjelasan tentang beberapa perkara yang telah dibangkitkan itu.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam mengenai nyamuk aedes yang membiak di longkang dan parit kotor sehingga menyebabkan demam denggi, saya suka maklumkan bahawa nyamuk aedes aegypti, pembawa kuman virus penyakit Demam Denggi Berdarah, tidak membiak di dalam longkang, parit atau tangki septik. Nyamuk-nyamuk ini membiak di dalam takungan-takungan yang berisi air seperti bekas bunga, perangkap semut, botol, tin, tempurung kelapa, kolam atau tangki yang terbuka dan berbagai-bagai lagi yang mana boleh didapati di sekeliling rumah.

Bilangan kes dan kematian akibat Demam Denggi Berdarah yang telah dilaporkan dari kawasan Parlimen Ayer Hitam, Johor beberapa tahun yang lalu adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bil. Kes</i>	<i>Bil. Kematian</i>
1973	3	—
1974	118	13
1975 (sehingga 15-11-75)	12	1

Kawasan Parlimen Ayer Hitam meliputi 5 lingkungan Majlis Tempatan dan kawasan-kawasan sekelilingnya.

Mengenai langkah-langkah mencegah pembiakan penyakit tersebut, tidak payahlah saya sebutkan lagi oleh kerana saya telah beberapa kali menerangkan perkara itu di Dewan ini pada masa yang lalu.

Menyentuh pula tentang masalaah kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak, yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah, saya suka maklumkan bahawa Kementerian saya telah memberi keutamaan kepada projek-projek Kesihatan Luar Bandar di Sarawak. Jabatan Perubatan di Sarawak telah mencapai kejayaan yang tinggi dalam perlaksanaan Projek-projek Pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kedua yang melibatkan perbelanjaan \$19.6 juta. 92% dari projek-projek Pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua telahpun siap dan bakinya sedang dilaksanakan pada masa ini.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua, Sarawak telah mencapai kejayaan fisikal seperti berikut:

- 17 Unit Pusat Kesihatan Kecil.
- 3 Unit Pusat Kesihatan Masyarakat.
- 39 Unit Dispensari Bergerak.
- 57 Unit Dispensari Kecil.
- 2 Unit Klinik Pergigian.
- 2 Unit Klinik Pergigian Bergerak.
- 35 Unit Klinik Pergigian Sekolah.
- 1 Polyklinik.
- 11 Projek Hospital yang telah menambatkan bilangan katil sebanyak 387.

Projek-projek pembangunan ini telah memberi faedah kepada seramai 188,000 orang yang tinggal di dalam 750 buah kampung-kampung di mana terdapat 13,000 tandas. 716 buah kampung daripada jumlah tersebut tadi telah diberi bekalan air.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Perkhidmatan "Doktor Terbang" di Sarawak yang mula dilancarkan dalam tahun 1973, sekarang ini meliputi 172 kawasan dengan penduduk seramai 320,000 orang.

Di kawasan Mukah khususnya, projek-projek Rancangan Malaysia Kedua yang telah siap termasuklah:

1. Satu Unit Wad Bersalin dengan 15 buah katil.
2. Tiga Dispensari Kecil.
3. Satu Dispensari Bergerak.
4. 11 Stesyen untuk Doktor Terbang.
5. Tiga puluh dua kampung-kampung telah ada bekalan air dan tandas.

Satu Klinik Pergigian Sekolah dan satu Pusat Kesihatan Masyarakat di Ng Selanau sedang dibina dan dijangka siap pada tahun 1976. Rancangan-rancangan Kementerian saya di Mukah telah diperbaiki dan diperkuatkan dengan tambahan seorang Pegawai Perubatan di Rumah Sakit Mukah, lima orang bidan, seorang Ketua Jururawat dan tiga orang Jururawat.

Kementerian saya akan juga memberi keutamaan yang tinggi untuk memperluaskan Projek-projek Kesihatan di kawasan Luar Bandar Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Berkenaan dengan kemudahan-kemudahan kesihatan yang minima bagi pekerja-pekerja di ladang yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput, suka saya nyatakan bahawa perkhidmatan kesihatan bagi ladang-ladang adalah dijalankan di bawah beberapa undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Peranan Kementerian Kesihatan ialah hanya sebagai penasihat menerusi Pegawai Kesihatan.

Kebanyakan ladang-ladang yang besar ada mempunyai hospital ataupun "Group Hospital". Sebahagian daripadanya mempunyai Pegawai Perubatan bertugas sepenuh masa,

manakala yang lainnya mempunyai Pegawai Perubatan yang kerja separuh masa (part-time) yakni Pegawai Perubatan yang melawat. Ada di antara ladang-ladang itu mempunyai gudang ubat (dispensary) sendiri yang dikelola oleh Pembantu Hospital.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi ialah bagi penyakit-penyakit yang ringan dan penyakit-penyakit yang tidak ada apa-apa komplikasi. Penyakit-penyakit yang memerlukan rawatan istimewa adalah dirujuk ke hospital yang berhampiran.

Dalam aspek pencegahan, pihak-pihak ladang mengendalikan dan mengawas perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:

1. Bekalan air
2. Kawalan Anti-Malaria
3. Pembuangan sampah sarap
4. Pembuangan najis.

Ada juga di antara ladang-ladang memberi Perkhidmatan Rancangan Keluarga dan mengadakan "creches" (tempat menumpang anak-anak kecil di waktu ibu-ibu bekerja).

Pegawai Perubatan tempatan dan Pegawai Perubatan yang melawat juga memeriksa buruh-buruh yang terdedah kepada ubat kimia seperti Racun Sodium Arsonite yang dikehendaki oleh undang-undang racun.

Dengan adanya kemudahan kesihatan di luar bandar, Perkhidmatan Kesihatan telah diperluaskan ke ladang-ladang. Pada masa ini, kebanyakan buruh dari ladang-ladang menggunakan segala kemudahan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan dan ini telah mengurangkan Perkhidmatan Perubatan Kesihatan yang telah diberi oleh pihak ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perkara mengadakan suatu Unit Rawatan Intensif di Hospital Daerah, Sungai Petani, yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, sukacita saya menarik perhatian Dewan ini kepada jawapan yang telah saya beri kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 31hb Oktober, 1975, yang lalu.

Pada ketika ini, Kementerian saya tidak ada sebarang rancangan lagi untuk menubuhkan suatu Unit Rawatan Intensif di Hospital Daerah Sungai Petani, tetapi

mungkin Yunit tersebut akan ditubuhkan di masa yang akan datang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan satu Yunit Rawatan Intensif melibatkan perbelanjaan yang besar bukan sahaja untuk membina suatu wad khas bahkan juga untuk mengadakan kelengkapan-kelengkapannya dan juga kakitangan yang terlatih khas.

Berkenaan dengan syor Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak supaya diadakan seorang doktor untuk memberi rawatan khas kepada orang-orang yang menghidapi penyakit untut, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian saya akan menghantar seorang doktor sekurang-kurangnya 3 bulan sekali untuk melawat kawasan Hilir Perak.

Ahli Yang Berhormat dari Serian telah juga menyentuh tentang perkhidmatan perubatan yang tidak memuaskan di Sarawak dan dispensari-dispensari bergerak tidak melawat rumah-rumah panjang. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa perkhidmatan-perkhidmatan berikut telahpun diadakan di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak:

- (i) Satu dispensari bergerak melawat beberapa tempat termasuk rumah-rumah panjang selama seminggu pada sesuatu masa itu;
- (ii) Pasukan Kesihatan Bergerak terdiri daripada seorang Auxillary Perubatan, Bidan dan Penyelia Kesihatan Luar-bandar, melawat rumah-rumah panjang dan kampung-kampung yang berhampiran;
- (iii) Perkhidmatan "Flying Doctor" meliputi 172 buah kampung dengan jumlah penduduk seramai 320,000 orang;
- (iv) Penyelia Kesihatan Luar Bandar juga melawat kampung-kampung di kawasan-kawasan luar bandar.
- (v) Pasukan Kawalan Malaria memberi perkhidmatan kawalan anti-malaria kepada rumah-rumah panjang dan kampung-kampung.

Berkenaan dengan syor Ahli Yang Berhormat dari Tuaran supaya diadakan hospital bagi tiap-tiap daerah yang mengandungi jumlah penduduk sebanyak 50,000 orang atau kurang, adalah menjadi dasar Kementerian saya bahawa sebuah hospital daerah akan didirikan di setiap daerah di Malaysia. Kemudahan-kemudahan kesihatan dan hospital

telah diberi keutamaan dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua dan juga pada Rancangan Malaysia Ketiga yang akan datang ini.

4.10 ptg.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan satu perkara yang bertarikh 10hb November, 1975 iaitu mendakwa Essential (Security Cases) Regulations and the Essential (Security Cases) (Amendment) Regulations yang dibuat di bawah Seksyen 2 Emergency (Essential Powers) Ordinance, 1969 sebagai highly improper katanya, memandangkan pertamanya pada keadaan yang wujud pada hari ini dan tahun 1969 dan adalah berbeza dan yang keduanya apabila Parlimen telah bersidang. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendaklah menjawab kerana Kerajaan telah bersetuju iaitu kita akan menetapkan satu hari dalam mesyuarat ini yang mana perkara ini akan kita bincangkan atau bahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa ucapan yang telah dibuat dalam Dewan yang mulia ini dalam beberapa hari yang lepas, ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang rasuah. Pada pendapat saya maksud ucapan itu ialah menggesa Kerajaan supaya bertindak dengan tegas ke atas orang-orang yang melakukan rasuah dengan tidak mengira pangkat dan kedudukannya walaupun orang itu ialah seorang Menteri. Saya sanggup dan saya anggap ucapan-ucapan itu ialah sebagai seruan yang berupa sokongan kepada Kerajaan dan kepada pihak berkuasa jika bila ada mana-mana pembesar yang hendak ditangkap. Atas sokongan itu untuk diri saya sebagai Peguam Negara yang bertanggungjawab tentang segala pendakwaan jenayah dan rasuah saya mengucapkan berbanyak terima kasih. Izinkan saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu khasnya di Dewan ini amnya bahawa di dalam kegelisahan kita supaya Kerajaan bertindak dengan tegas dan segera seperti yang dimaksudkan itu, maka janganlah pula kita menyerang pihak Biro Siasatan Negara pula yang telah bertungkus-lumus menjalankan tugasnya berkenaan dengan penyiasatan rasuah yang sangat rumit dan merbahaya itu, terutama sekali apabila penyiasatan itu berkaitan

dengan orang yang mempunyai kedudukan tinggi dan berpengaruh serta pula mempunyai pengikut yang bersedia menjahanamkan Biro Siasatan Negara. Menangkap ikan bilis, Tuan Yang di-Pertua, ikan-ikan kecil memanglah senang, tetapi hendak menangkap ikan jerong, ikan-ikan yu bukanlah senang, berkehendakkan kail yang besar, senjata tempuling dan lain-lain dan kalau tidak jaga baik-baik jatuh ke bawah kaki pun ditangkap atau ditelannya seperti cerita "The Jaw" sesiapa yang sudah baca tahulah.

Kita sendiri sedar bahawa dalam dua tiga bulan ini penyiasatan yang telah dijalankan oleh Biro Siasatan Negara terhadap orang-orang yang kedudukan tinggi dan berpangkat telah sampai kepada kemuncaknya dan dari semenjak itu Biro Siasatan Negara telah sering diserang oleh dua golongan manusia dengan surat-surat melayang yang mencaci dan membuat tuduhan-tuduhan palsu terhadap Ketua Pengarahnya, Timbalan Ketua Pengarahnya, beberapa orang pegawainya dan dikaitkan pula dengan Menteri-menteri dan pembesar-pembesar Kerajaan. Jelaslah surat melayang itu bukan sahaja hendak menjahanamkan Biro Siasatan Negara, bahkan juga meruntuhkan Kerajaan sendiri, kerana dalam surat-surat melayang itu banyak direkakan hal-hal yang berkaitan dengan pembesar-pembesar Kerajaan.

Saya berkata serangan atas Kerajaan dan BSN tadi datang dari dua golongan. Satu daripada golongan itu ialah terdiri daripada orang-orang yang sangat suka supaya orang yang berkedudukan tinggi itu segera ditangkap dan dibawa kepada pengadilan. Golongan ini mencaci, mencerca Kerajaan dan BSN sebagai hanya bertindak terhadap ikan-ikan bilis sahaja dan ikan-ikan kecil. Golongan yang satu lagi ialah golongan yang tidak suka orang yang kedudukan tinggi itu ditangkap dan telah menyebarkan surat melayang dengan tujuan untuk menjatuhkan imej Kerajaan dan BSN dengan berbagai-bagai ciptaan kata-kata yang tidak ada bukti yang benar. Saya suka maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu, saya sendiri sebagai Peguam Negara, tahu bahawa Ketua Pengarah BSN, Tan Sri Ibrahim bin Salleh adalah seorang yang sangat jujur dan bersih daripada segala apa bentuk rasuah dan begitulah juga dengan Timbalannya. Oleh yang demikian, saya dengan sesungguhnya dan dengan seikhlas-ikhlas hati saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dalam

Dewan ini supaya tidak membiarkan diri mereka dan dengan tidak sengaja digunakan oleh mana-mana golongan yang suka imej Kerajaan dan imej BSN itu dijatuhkan untuk maksud-maksud yang tertentu bagi mereka yang mengedarkan risalah-risalah itu. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak wajar bagi Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan Dewan yang mulia ini sebagai pentas untuk mengulangi dan menolong menyebarkan dalam ucapan dan pertanyaan mereka kandungan-kandungan surat melayang itu yang datang dengan terang dan jelas mereka sendiri ketahui berupa mencaci dan membuat tuduhan-tuduhan palsu dengan tujuan supaya kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan dan BSN akan hilang.

Saya rujukkan kepada ucapan Yang Berhormat dari Balik Pulau katanya :

"Dan akhir-akhir ini ada pula cakap-cakap angin mengatakan Ketua BSN juga rasuah. Ini sangat dasyat, Tuan Yang di-Pertua. Surat-surat melayang telah disebarkan di merata-rata tempat mengatakan Ketua BSN tidak berani membawa ke muka pengadilan orang-orang yang bertanggung-jawab, sebab dia sendiri terlibat dalam rasuah".

Itulah sebabnya saya terpaksa huraikan. Jika kita berbuat demikian, kita hanya menyokong golongan yang telah dan sedang disiasat oleh BSN sekarang atas kesalahan rasuah mereka. Bukan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jika kita mengulangi dan menyebarkan kandungan-kandungan surat melayang itu dalam Dewan ini, maka kita hanya mematahkan semangat pegawai-pegawai BSN yang mana kita sendiri sangat memerlukan sekarang.

Sebagai Peguam Negara, sayalah orang yang lebih tahu daripada sesiapa pun tentang pengurbanan yang diberi oleh Ketua Pengarah BSN itu dengan menerima menjadi Ketua Pengarah BSN dan menjalankan tugas-tugasnya yang tidak mendapat apa-apa terima kasih daripada mana-mana golongan pun iaitu apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris "a thankless job to be BSN Director or Officer". Saya percaya kita Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini yang sentiasa menyedut butir-butir dalam surat melayang itu yang mencaci BSN dan dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini, maka tidak dapat tidak BSN akan runtuh. Saya berkata BSN akan runtuh oleh kerana pegawai-pegawainya

telah berjumpa saya akan meletakkan jawatan, kerana pengurbanan mereka tidak dihargai walaupun oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, terutama sekali daripada penyokong-penyokong Kerajaan dan sepatutnya boleh ditafsirkan bahawa surat-surat melayang itu adalah dikeluarkan oleh golongan yang merasa terlampau pedih atas penyiasatan BSN yang sebegitu cekap hingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan segala penyiasatan rasuah mahupun penyiasatan jenayah yang lain butir-butir penyiasatan itu tidaklah dapat dipublicitykan sebelum sampai masa yang tertentu. Ahli-ahli Yang Berhormat patut bersabar dahulu.

Tan Sri Ibrahim ialah seorang Pegawai Undang-undang yang telah lama bekerja di bawah saya berpuluh tahun dalam Jabatan Peguam Negara dan saya sangatlah tahu tentang kebolehan, kejujuran, kesetiaannya dan kebersihan dirinya. Beliau sangat kuat berpegang kepada peraturan undang-undang (the rule of law) dan memelihara hak-hak orang lain terutama sekali orang-orang yang belum ada bukti tentang kesalahannya. Saksikanlah sekarang walaupun diserang sebagaimana yang saya katakan tadi oleh dua golongan iaitu golongan yang berkehendakkan ia bertindak segera menangkap seekor ikan yu yang besar dan golongan yang mencerca pula supaya ia bertindak terhadap ikan yang besar yang sama juga. Tan Sri Ibrahim masih lagi mendiamkan diri berkenaan dengan hal ini dan tidak mengeluarkan kata sepatah jua pun. Ini ialah kerana ia terikat dengan undang-undang dan tidak suka merusakkan nama seseorang yang belum ditangkap itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sebagai Peguam Negara dan Pendakwa Raya tahu bahawa penyiasatan yang berkenaan telahpun siap dan BSN telah membuat perakuan-perakuan yang tertentu kepada pihak yang berkenaan, pihak yang berkuasa. Saya bukan mendedahkan apa-apa rahsia pada hari ini di dalam Dewan yang mulia ini jika sekiranya saya berkata tindakan yang wajar akan diambil tidak lama lagi berdasarkan perakuan-perakuan yang telah diantar oleh Pengarah itu kepada pihak yang berkenaan.

Pada masa itu barulah kita tahu jasa-jasa BSN dan kerja-kerja serta keberaniannya, jasa-jasa Ketua Pengarah serta pegawai-pegawainya. Pada masa itu saya harap Ahli-

ahli Yang Berhormat pula yang suka mengulangi dan menolong menyebar caci-caci yang dibuat untuk menjatuhkan imej Kerajaan dan BSN, tidak akan takut pula untuk memuji ketegasan Kerajaan, ketegasan BSN pada menjalankan kewajipan mereka berkenaan dengan kes itu pula. Saya hendak dengar.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat hairan tentang ucapan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang menyatakan tidak ada tangkapan langsung dibuat oleh BSN dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang mengatakan, hanya ikan bilis sahaja ditangkap. Ikan bilis nampaknya bukan main lagi, selalu di gunakan. Sekarang ini, ikan bilis pun sudah naik harganya dan telah diguna dalam cocktail pula.

Sekarang saya suka memberi sedikit sebanyak pengetahuan tentang tangkapan yang telah dibuat oleh BSN untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak membaca suratkhbar, saya fikirilah.

Jumlah tangkapan yang telah dibuat oleh Biro Siasatan Negara kerana kesalahan-kesalahan rasuah dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan rasuah pada tahun 1974, 170 tangkapan; tahun 1975 (sehingga Oktober), 139 tangkapan. Antara jumlah tangkapan dalam tahun 1974 itu, pegawai Kerajaan yang ditangkap ialah 74 orang, dan orang awam 96 orang.

Jumlah Pegawai Kerajaan yang ditangkap dalam tahun 1975 ialah 85 orang. Orang awam 96 orang hingga bulan Oktober. Setakat ini Ahli-ahli Yang Berhormat tahulah bahawa bukan sahaja pegawai-pegawai Kerajaan yang ditangkap bahkan orang-orang awam yang memberi rasuah juga ramai yang ditangkap.

Bagi tahun 1974 Pegawai Kerajaan Bahagian I yang telah ditangkap oleh BSN ialah seramai 8 orang. Bahagian II seramai 18 orang.

Bagi tahun 1975 (sehingga bulan Oktober) Pegawai-pegawai Kerajaan Bahagian I yang ditangkap, 2 orang; Pegawai-pegawai Bahagian II, 26 orang. Ini tidak termasuk yang tidak ditangkap yang akan kita ambil tindakan untuk dibuang kerja atau lain-lain oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, kerana tidak ada bukti hendak bawa ke mahkamah.

Berkenaan dengan tuduhan yang menyatakan BSN hanya menangkap orang-orang yang menerima \$1, \$2 sahaja, itu adalah tidak benar. Betul, dalam tahun 1974 hanya 3 orang sahaja yang ditangkap yang melibatkan wang rasuah \$1, \$2 dan \$4. Apa fasal 3 orang?

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang \$1, \$2, \$3, ini memang selalu ditangkap. Kalau beri banyak \$2,000; \$3,000; \$4,000 tidak ditangkap. Ini selalu juga berlaku sebagai salah satu sebabnya. Katanya \$1, \$2 memadai, mari kita repot.

Berkenaan dengan penangkapan kes \$1, \$2 ini, saya suka memaklumkan bahawa tangkapan yang semacam ini mesti juga dibuat. Tidak boleh dibiarkan bilis ini untuk mencegah berlakunya pemungutan-pemungutan rasuah yang seumpama ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sungguhpun yang ditangkap itu hanya \$1 dan \$2 tetapi pungutan yang dibuat oleh pegawai-pegawai rendah semacam itu, dalam 24 jam, mungkin 24 kali atau lebih. Seringgit-seringgit, 24 kali. Lima minit, seringgit, 10 minit seringgit. (*Ketawa*) Selalunya ikan bilis memang banyak. Ikan bilis seumpama ini pun adalah merosakkan imej Kerajaan kita, dan menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap Jabatan BSN dan Jabatan pegawai yang ditangkap itu.

Sekarang suka saya memberi sedikit penerangan berkenaan dengan jumlah wang yang terlibat dalam kes yang ditangkap sebagai contoh sahaja. Dalam tahun 1974 antara kes-kes yang ditangkap ada yang melibatkan wang rasuah sebanyak \$10,000 hingga \$15,000. Dalam tahun 1975 beberapa kes yang ditangkap dia juga melibatkan wang rasuah sebanyak \$1,500 hingga \$4,000.

Sebagai penutup, saya fikir saya sudah panjang bercakap, saya menyerulah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini supaya menaruh penuh kepercayaan kepada Biro Siasatan Negara dan kepercayaan kepada Ketua Pengarah serta pegawai-pegawai di bawahnya. Saya juga menyeru supaya kita sekalian sedar bahawa kerja-kerja yang dijalankan oleh BSN itu adalah sangat rumit, sangat merbahaya, khasnya kalau hendak menangkap jerung seperti saya katakan tadi, oleh kerana orang-orang yang disiasat oleh BSN itu ada juga orang-orang yang pandai yang boleh mengambil tindakan balas ke

atas BSN, seperti mana berlaku sekarang samada menyebarkan surat-surat melayang ataupun menggunakan, maafkan saya, saya harap Tuhan melindungi perkara-perkara yang lebih dahsyat lagi kepada mereka. Sememangnya begitu dan kalau ada pula sebab kita caci, pegawai-pegawai itu meletakkan jawatan. Bukan senang hendak mendapat ganti satu-satu jawatan itu, pada pegawai-pegawai lain yang jujur yang kita siasat layak bagi memegangnya kerana sememang orang tidak suka hendak menjadi pegawai BSN. Sebagaimana saya katakan tadi: a thankless and dangerous job. Oleh kerana itu kita mestilah jangan tuduh melulu sahaja, hendaklah kenangkan bagaimana mereka itu bekerja. Demikianlah, terima kasih.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Nanti dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya belum beritahu lagi. Sila teruskan. Lain kali tunggu saya bercakap dahulu. (*Ketawa*)

4.36 ptg.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara-perkara yang berthabit dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Cadangan-cadangan yang dibuat itu akan dikaji dan mana-mana yang didapati menasabah akan dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, saya sukalah menjawab dan menjelaskan beberapa perkara yang penting yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara umum.

Ancaman dari pengganas-pengganas kominis yang kita hadapi bukanlah satu masalaah yang baru. Kita telah mengalami ancaman ini lebih dari 20 tahun. Dalam masa itu kita telah dapat mematahkan aktiviti-aktiviti kominis dari semasa ke semasa. Dalam tahun 1959 pemberontakan bersenjata yang dilancarkan oleh kominis telah kita kalahkan. Akibat dari kekalahan ini saki-baki anggota kominis telah berundur ke kawasan sempadan. Tujuan mereka ialah untuk mengumpul dan menguatkan parti mereka untuk melancarkan semula pemberontakan di negeri ini. Kejayaan mereka

setakat ini adalah terbatas. Dalam masa 15 tahun ini ia berundur ke sempadan, parti itu hanya dapat menambahkan anggotanya dari 600 ke lebih kurang 2,000 orang sahaja. Dari bilangan anggota baru ini hanya lebih kurang 250 orang sahaja terdiri dari penduduk Malaysia dan bakinya adalah penduduk-penduduk sempadan Thailand. Maka nyata-lah bahawa golongan terbesar dari rakyat negeri ini menolak parti ini.

Harapan pihak pengganas itu untuk melancar semula pemberontakan bersenjata secara besar-besaran adalah tipis. Taktik "United Front" yang telah dilaksanakan dalam tahun 60an telah dipatahkan oleh Kerajaan dalam tahun 1967. Kegagalan ini telah menyebabkan pertelingkahan di antara anggota parti itu dan telah menyebabkan terujudnya beberapa "faction" yang berlumba-lumba untuk menunjukkan kehandalan masing-masing. Mengikut ajaran komunis cara demokrasi yang kita amalkan kononnya mengandungi "contradiction" yang akan mengujutkan suasana yang sesuai bagi pemberontakan. Sebaliknya, apa yang mereka lihat Malaysia semakin lama semakin kukuh dan maju. Tidak sabar menunggu suasana yang sesuai itu dan menunduk kepada desakan "faction-faction" Parti Komunis Malaya telah membuat keputusan untuk melancarkan semula pemberontakan bersenjata mereka tanpa keadaan yang dikehendaki. Peristiwa 13 May yang telah diutarakan sebagai situasi yang patut dieksploitasikan. Berikutan dengan arahan yang dikeluarkan dalam tahun 1968, kumpulan-kumpulan pengganas telah dihantar ke beberapa tempat di Semenanjung untuk membuat persiapan bagi pemberontakan yang akan dilancarkan itu. Mereka ditugaskan menyediakan bases dari mana serangan-serangan akan dibuat, mempengaruhi rakyat jelata supaya menyokong dan menambah keanggotaannya serta mengumpul bahan-bahan makanan yang banyak. Oleh kerana tekanan pasukan keselamatan kejayaan mereka dalam tugas-tugas ini adalah terhad. Di beberapa kawasan, pengganas komunis itu telah gagal sama-sekali dalam usaha mereka.

Sebagai helah untuk mendorong Kerajaan bagi menarik Pasukan Keselamatan dari kawasan yang mereka bertugas sekarang dengan tujuan meringankan tekanan ke atas kumpulan pengganas di hutan, penyokong-penyokong pengganas di bawah tanah telah digesa menjalankan keganasan di bandar-

bandar termasuk pembunuhan anggota-anggota keselamatan. Keganasan yang kejam itu mencerminkan kegagalan pihak komunis mempengaruhi rakyat untuk menyokongnya—mereka terpaksa menggunakan kekerasan-kekerasan. Sebagaimana yang kita ketahui rakyat tidak mudah ditakut-takutkan. Pihak Kerajaan tidak akan tunduk kepada kekerasan ini, sebaliknya perbuatan ini telah memperkuat azam Kerajaan untuk menghapuskan musuh negara ini.

Beberapa langkah untuk menghadapi perkembangan baru ini telah diatur. Anggota Pasukan Polis sedang diperbesarkan. Sokongan yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di atas perkara ini amatlah menggalakkan. Rancangan telah dibuat untuk menambah anggota Polis seramai 20,000 orang lagi. Pasukan Polis Hutan akan disusun semula untuk disesuaikan bagi tugas luar dan dalam bandar. Konsep operasi secara "unconventional" yang akan memberi kesan menyeluruh akan digunakan supaya tercapai tujuan memisah penyokong bawah tanah dari pengganas komunis di hutan. Tanpa bantuan dari penduduk-penduduk tempatan pengganas di hutan akan kelaparan dan senang dihapuskan. Penghapusan penyokong-penyokong pengganas di bandar-bandar dan Kampung-kampung Baru adalah tugas yang akan diutamakan.

Untuk mencapai tujuan ini bilangan anggota Cawangan Khas Polis Diraja yang menjadi tulang belakang dalam usaha menumpas penyokong-penyokong bawah tanah akan ditambah.

Di samping usaha-usaha ini, pasukan Polis akan dilengkapi dengan alat-alat dan kemudahan-kemudahan yang perlu untuk melaksanakan dengan lebih berkesan tugas-tugas mereka. Kemudahan latihan akan diperluas dan diperhebatkan. Yunit-yunit yang ditubuhkan untuk tindakan khas akan ditambah dan diberi latihan, peralatan dan kemudahan sesuai dengan tugas-tugas mereka.

Semenjak berhentinya peperangan di Indo-China kemungkinan penyeludupan senjata ke negeri ini telah mendapat perhatian khas dari Kerajaan. Pihak polis, Kastam dan Imigresen telah mengetatkan pemeriksaan untuk mencegah berlakunya kejadian penyeludupan senjata-senjata. Dalam perkara

ini, hubungan yang rapat di antara Pihak Berkuasa Thai dan Indonesia dengan kita melalui GBC sedang digunakan.

Kajian sedang dibuat untuk membekalkan pasukan Kastam dan Polis dengan alat-alat letronik yang boleh mengesan penyeludupan senjata. Pihak Polis dan Kastam akan diberi alat-alat punggah-memungkah dan lain-lain kemudahan untuk menyenangkan pemeriksaan bungkusan-bungkusan besar yang boleh mengandungi senjata yang diseludupkan.

Perhatian sedang diberi terhadap usaha menyekat kemasukan secara haram melalui jalan-jalan dan denai-denai yang terdapat di beberapa tempat di sempadan. Dalam perkara ini penglibatan rakyat adalah penting. Sumbangan RELA di kawasan sempadan telahpun menyebabkan berkurangnya kejadian penyeludupan. Cara-cara untuk melibatkan RELA dengan lebih berkesan sedang dirancang.

Saya tidak mahu memperkecilkan ancaman yang kita hadapi. Ia adalah serious. Walau bagaimanapun, dengan sokongan rakyat, saya yakin usaha kita untuk menghapuskan penganas dan anasir-anasir anti-nasional akan dapat berhasil. Bagi pihak Kerajaan segala usaha akan ditumpukan untuk menentukan musuh negara ini. Jika undang-undang yang ada tidak memadai, undang-undang baru akan digubal mengikut keadaan dan ancaman yang dihadapi.

Beralih kepada jenayah saya suka memaklumkan bahawa sebahagian besar dari pembesaran pasukan Polis adalah untuk menampung keperluan Bahagian Jenayah. Saya sedar pembukaan kawasan-kawasan dan bandar-bandar baru, pertambahan penduduk dan kemajuan perdagangan dan perindustrian semuanya memerlukan tambahan anggota Pasukan Polis. Bilangan anggota Polis telahpun ditambah dari setahun ke setahun. Walau bagaimanapun, memandang kepada "escalation" keadaan jenayah yang berpunca dari pembangunan pesat dalam bidang ekonomi dan sosial yang membawa bersama-samanya akibat buruk di samping perubahan yang berfaedah, maka bilangan anggota Polis akan ditambah sesuai dengan keperluan perubahan sekarang.

Langkah membesarkan Pasukan Polis tidaklah merupakan satu ubat ajaib yang boleh menyembuh semua penyakit masyarakat. Bertambahnya kejadian jenayah adalah ber-

punca dari beberapa faktor, di antaranya ialah kejatuhan moral, sikap ingin berseronok tidak kira dari mana wang yang diperlukan diperolehi, kehakisan "traditional value" penagihan dadah dan cara-cara penghidupan di bandar-bandar. Masalah-masalah ini hanya dapat diatasi dengan "multi-pray approach" melalui sekolah-sekolah, sebaran am dan pendidikan rohani. Kerajaan telah melaksanakan beberapa rancangan bagi tujuan mengatasi masalah ini, termasuk Rukun Tetangga supaya rakyat yang berjiran saling membantu dan mengambil berat di antara satu sama lain. Dengan pengisytiharan Rukun Negara satu panduan falsafah telah ujud yang menentukan haluan bagi negara dan rakyat. Bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri selain dari usaha-usaha yang dijalankan oleh Polis, Kementerian mengadakan pengawasan atas penerbitan dan filem. Undang-undang mengenai perkara ini sedang disemak untuk menjadinya lebih berkesan lagi.

Peperangan menentang komunis sebagai-mana juga yang dikehendaki untuk menentang jenayah adalah peperangan yang menyeluruh. Kita tidak dapat memenangi peperangan ini dengan tindakan Polis dan Pasukan Keselamatan sahaja. Penglibatan rakyat adalah amat penting.

Adalah menjadi tujuan penganas komunis untuk menghasut rakyat supaya menentang Kerajaan. Rakyat hendaklah berdiri teguh menolak hasutan penganas ini. Keteguhan rakyat berpunca dari anggapan dan pandangan rakyat terhadap Kerajaan, dasarnya dan sistem sosial-politik yang kita amalkan. Pada pendapat saya terdapat kumpulan-kumpulan dalam masyarakat kita hari ini yang merasai mereka didiskriminasikan dan dari itu timbul perasaan tidak puas hati. Yang anihnya, kumpulan-kumpulan yang tidak puas hati ini terdiri dari mereka yang lebih maju dan berpendapatan tinggi jika dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan lain yang dikatakan sedang mendapat keistimewaan. Punca kekeliruan ini ialah "presentation" yang tidak seimbang dan kurang kesedaran terhadap keadaan masyarakat yang sebenar. Adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat memahami kedudukan yang sebenar dan bagi pemimpin sebagai pembentuk sikap rakyat untuk memberi penerangan dan ajaran yang betul.

Adalah hasrat Kerajaan untuk menawan hati, fikiran dan juga perut rakyat. Buktinya terdapat dalam Dasar Ekonomi Baru. Malangnya, satu aspek saja dari serampang dua mata dasar itu, iaitu mengenai penyusunan semula masyarakat, yang ditunjukkan. Aspek membasmi kemiskinan yang telah memberi keuntungan kepada semua kaum, lebih-lebih lagi kepada kaum-kaum yang mendiami di bandar-bandar dan disekitar bandar, kerana kemahiran mereka yang lebih tinggi dan penglibatan mereka dalam perdagangan—ini tidak diperkatakan. Inilah yang menyebabkan tidak puas hati oleh segolongan kaum China dan perasaan hampa oleh orang-orang Melayu.

Kalau kita ibaratkan negara ini sebagai sepon pohon pokok, ancaman yang dihadapi oleh pengganas bersenjata bolehlah disamakan kepada tetakan kapak atau beliong. Ancaman ini bolehlah kita hindarkan dengan pasukan keselamatan. Tetapi pokok itu boleh dibinasakan oleh berdal dipucuknya dan kuman-kuman diakarnya. Berdal dan kuman-kuman itu ialah subversif oleh kominis dan pertelingkahan di antara kita sama sendiri. Hanya pokok yang subur dan kuat dapat menghindarkan serangan berdal dan kuman. Negara kita hanya dapat menumpas pengganas kominis dan anasir-anasir anti-nasional dengan menguatkan keutuhan, keyakinan, ketabahan dan "resilience" rakyat.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyebutkan sedikit sahaja ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Semerah yang telah menyentuh soal orang-orang Singapura yang berkahwin dengan wanita-wanita Malaysia yang duduk di Johor Bahru. Beliau mencadangkan supaya diadakan peruntukan undang-undang bagi membolehkan suami yang bukan Warganegara Malaysia tinggal di negara ini bersama-sama dengan isterinya. Pada hemat saya peruntukan seperti ini akan menggalakkan marriage for convenience atau berkahwin untuk mengelakkan kerumitan. Perkara seumpama ini tidaklah boleh kita amalkan dan menurut undang-undang negara kita, seorang dagang atau orang luar yang berkahwin dengan wanita Malaysia (rakyat Malaysia) maka wanita Malaysia ini harus mengikut suaminya ke mana mereka pergi, begitu juga sebaliknya kalau sekiranya seorang lelaki Malaysia berkahwin dengan seorang wanita luar negeri bolehlah isterinya mengikut suaminya di negara ini.

Jadi bagi masaalah di Johor Bahru ini adalah satu perkara yang Kerajaan mengambil perhatian yang berat dan saya fikir soal-soal yang ditimbulkan itu tidaklah perlu dilayani dan mereka haruslah meninggalkan negeri ini membawa isterinya di mana mereka mencari makan.

4.40 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bangun diminta oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menjawab teguran-teguran yang disuarakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat mengenai peranan dan kegiatan-kegiatan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Menteri yang berkenaan ini sekarang sedang berada di luar negeri, jadi saya telah diminta untuk menyampaikan beberapa jawapan dan pendapat-pendapat yang berkenaan dan suka-lah saya di sini mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Belanjawan pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah banyak, tetapi saya ingin menyentuh perkara-perkara tertentu sahaja iaitu pembangunan perindustrian, galakan eksport, penyer-taan Bumiputra dalam sektor perdagangan dan perindustrian, masaalah kekurangan bekalan dan kenaikan harga barang-barang keperluan dan perusahaan pelancungan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dan Besut telah menyentuh tentang iklim pelaburan di Malaysia pada masa ini. Adalah tidak boleh dinafikan bahawa iklim pelaburan pada masa ini tidak begitu memuaskan tetapi saya ingin menegaskan bahawa keadaan ini bukanlah yunit bagi Malaysia sahaja tetapi adalah dihadapi oleh semua negara di dunia ini samada maju atau sedang membangun dalam keadaan "recession" yang meliputi seluruh dunia. Selain daripada itu, Malaysia juga menghadapi masaalah-masaalah yang khas bagi negara-negara dalam kawasan ini akibat daripada tamatnya peperangan di Indo-China.

Kita masih berpegang kepada hakikat bahawa pelaburan asing adalah menjadi strategi pembangunan ekonomi negara kita. Dengan sebab itu, kita akan terus mengadakan seminar-seminar pelaburan seperti yang

diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini untuk menarik bakal-bakal pelabur melabur di negara ini dan juga untuk menerangkan kepada mereka keadaan sebenar di negara kita. Seminar seperti ini tidaklah dapat diadakan dengan tergesa-gesa. Misalnya, rancangan untuk mengadakan seminar di Kuala Lumpur baru-baru ini telah dibuat pada akhir tahun 1974.

Masalah pegawai-pegawai yang dikatakan "over zealous" dan kelewatan memproses permohonan-permohonan perindustrian telah juga dibangkitkan di Dewan ini iaitu oleh Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam, kalau tak salah saya, keadaan ini mungkin berlaku. Walau bagaimanapun, saya suka menegaskan bahawa Kerajaan akan terus memberi perhatian yang berat terhadap kecekapan dan kelicinan jentera pentadbirannya supaya koordinasi terdapat di antara dasar dan pelaksanaan. Berhubung dengan kelewatan kelulusan permohonan-permohonan sukalah saya jelaskan di sini bahawa lazimnya permohonan-permohonan yang lengkap dapat diuruskan dalam masa 6 hingga 8 minggu, tetapi bagi permohonan-permohonan yang tidak mengandungi maklumat-maklumat yang lengkap kelewatan tidak dapat dielakkan; dan lagi bagi setengah-setengah industri yang dipohon kajian yang mendalam perlu dibuat memandangkan kesan industri itu terhadap pengguna-pengguna dan industri-industri yang sedia ada. Kajian yang mendalam ini semestinya memerlukan masa yang lebih panjang.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka, Kepong, Kanowit dan Seremban, telah menyuarakan rasa kekhuatiran dan kebimbangan terhadap pelaksanaan Akta Penyelarasan Perindustrian. Tuduhan yang merbahaya dan berbau perkauman telah dibuat kononnya Akta ini ditujukan semata-mata hendak menekankan sesuatu kaum sahaja. Di sini saya suka memberi jaminan bahawa tujuan Akta ini bukanlah membeban, menghalang dan menakut-nakutkan pelabur-pelabur bahkan sebaliknya ialah bertujuan untuk menguatkan lagi kepercayaan pelabur-pelabur terhadap pelaburan di negara kita. Dengan adanya Akta ini pembangunan perindustrian di negara ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur. Kita akan dapat mengadakan satu "institutional framework" dalam mana perkembangan projek-projek perkilangan dapat diselaraskan. Kita

juga akan dapat mengelakkan "waste competition" di antara pekilang-pekilang dari berlaku.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah dan akan mengambil tindakan untuk memberi penerangan-penerangan kepada pengusaha-pengusaha melalui seminar-seminar, dialog-dialog ataupun perjumpaan-perjumpaan supaya kekeliruan dan kekhuatiran yang ditimbulkan itu dapat dihapuskan. Setakat ini nampaknya sambutan yang diberi oleh pengusaha-pengusaha adalah memuaskan.

Bebanan yang dipikul oleh pengusaha-pengusaha setelah Akta ini dilaksanakan adalah kecil sahaja. Mereka hanya diperlukan mengambil lesen sekali sahaja. Bebanan yang mungkin dipikul oleh syarikat-syarikat yang berkenaan ialah mengisi borang-borang permohonan untuk mendapatkan lesen dan menjelaskan bayaran lesen yang ditetapkan sebanyak \$50 bagi satu lesen.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menggesa supaya projek-projek perindustrian diperbanyakkan di luar bandar. Usaha-usaha untuk menempatkan projek-projek perindustrian di kawasan-kawasan yang kurang maju telah dijalankan dengan begitu giat oleh Kerajaan dan kejayaan yang dicapai setakat ini adalah memuaskan. Dalam tahun 1971 sejumlah 164 projek perindustrian atau 43% dari projek-projek perindustrian yang diluluskan telah ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Perangkaan bagi tahun 1972 ialah 186 projek atau 52%. Bagi tahun 1973 ialah 277 projek atau 58%. Bagi tahun 1974 pula ialah 332 projek atau 63%, dan sehingga bulan September, 1975 terdapat 351 projek atau 64%. Samada Parit dapat menarik perindustrian ke kawasan itu terpulanglah kepada Kerajaan Negeri untuk mengadakan kawasan perindustrian beserta dengan kemudahan-kemudahan asas di tempat itu.

Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Kanowit yang telah menyebut soal pelaburan di Sarawak. Kerajaan memang sedar akan masalah ini dan oleh sebab itulah negeri Sarawak telahpun diwartakan pada awal tahun ini sebagai salah satu daripada 8 kawasan yang layak untuk mendapat galakan penempatan (locational incentive).

Berhubung dengan pemasangan motosikal tempatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, saya suka menyatakan bahawa Kementerian Perdagangan dan

Perindustrian sentiasa mengkaji kedudukan permintaan dan menambahkan "capacity" pemasangan motosikal apabila didapati kekurangan berlaku.

Menyentuh tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Langkawi untuk mengharamkan kemasukan filem-filem dari negeri China, cadangan ini tidak dapat dilaksanakan selagi negara kita belum mampu mengeluarkan filem-filem China yang cukup untuk memenuhi kehendak penonton-penonton.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara mengenai aktiviti Kementerian ini yang dibangkitkan semasa perbahasan ialah perusahaan pelancungan. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong meminta Kerajaan menggiatkan usaha-usaha untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai tumpuan pelancung-pelancung dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan dan di antara yang dicadangkannya ialah penubuhan "free trade area" dengan menempatkan kedai-kedai tanpa cukai dan meminta Kerajaan mempercepatkan sistem "tourist documentation". Kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancungan, telah dan sedang menjalankan berbagai-bagai usaha penggalakan dengan giatnya untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelancungan yang penting di negara ini. Sesungguhnya Pulau Pinang sekarang ini ialah salah satu destinasi utama pelancungan di negara kita. Bagaimanapun, tanggungjawab bagi mengadakan kemudahan-kemudahan pelancungan bukanlah semata-mata tanggungjawab Kerajaan malahan merupakan tanggungjawab semua pihak termasuk kalangan swasta. Umpamanya, kemudahan-kemudahan hiburan dan "recreation" yang menjadi kemudahan penting kepada para pelancung seharusnya hendaklah diadakan oleh pengusaha-pengusaha pelancungan terutama pengusaha-pengusaha hotel.

Berhubung dengan cadangan mengadakan kedai bebas cukai, sukacita saya memaklumkan bahawa Perbadanan Kemajuan Pelancungan dengan usaha bersama Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang sedang merancang penubuhan sebuah kedai bebas cukai di bandar Pulau Pinang sebagai satu usaha penggalakan pelancungan ke negeri itu. Mengenai cadangan mengadakan "free trade area" di Pulau Pinang, Kerajaan akan mengkaji kemungkinannya. Di atas soalan pelaksanaan sistem "tourist documentation", sukacita saya menyatakan di sini bahawa

Perbadanan Kemajuan Pelancungan bersama-sama dengan Jabatan Perangkaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menggubal suatu sistem percontohan (sampling system) dengan tujuan mempercepatkan pengeluaran makluman-makluman mengenai pelawat-pelawat ke negara ini. Pada masa ini sistem yang tersebut adalah di peringkat percubaan dan sekiranya didapati memuaskan ianya akan dilaksanakan dengan sepenuhnya pada tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat dari Ledang, Kangar, Kuala Kerai dan Kuala Selangor telah membangkitkan masalah penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Di sini sukalah saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa menghala menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan perusahaan usaha-sama di antara pengusaha-pengusaha tempatan termasuk pengusaha-pengusaha Bumiputra dengan pelabur-pelabur asing dalam konteks penyertaan Bumiputra sebanyak 30%. Berhubung dengan soal latihan kepada Bumiputra dalam bidang perniagaan dan perindustrian, Kerajaan telah dan sedang menjalankan berbagai-bagai jenis latihan melalui institusi-institusi latihan seperti Instituti Teknologi Mara, Industrial Training Institute dan Pusat Daya Pengeluaran Negara. Setakat ini, misalnya Pusat Daya Pengeluaran Negara telah mencapai kejayaan seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Kursus</i>	<i>Jumlah Peserta</i>
1973	35	577 orang
1974	57	1,014 ..
1975	39	1,116 ..

Saya akui iaitu pekerja-pekerja Bumiputra pada masa ini masih banyak terdapat di peringkat bawah sahaja. Walau bagaimanapun, bilangan pekerja bumiputra di peringkat atasan makin bertambah dari setahun ke setahun. Misalnya, dalam projek-projek perindustrian yang telah dilaksanakan hingga tempoh berakhir pada 30-6-75, bilangan pekerja bumiputra dalam peringkat pengurusan adalah sebanyak 15%, pengawasan dan teknik 27%, perkeranian 27% dan perkhidmatan 51%. Kementerian ini sedang mengambil tindakan untuk menambah bilangan pekerja-pekerja bumiputra di peringkat atasan melalui rancangan "Plan for Executive Development" yang dianjurkan bersama dengan Instituti Teknologi Mara. Di atas cadangan untuk

menubuhkan Tabung Amanah Rakyat, suka-lah saya nyatakan bahawa memandangkan modal yang diperlukan adalah besar dan untuk mengelakkan "duplication", tanggung-jawab untuk mengujud dan menguruskan Tabung Amanah ini telah diserahkan kepada Mara.

Masaalah kekurangan bekalan dan kenaikan harga barang-barang keperluan telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ledang, Kuala Selangor, Seremban, Setapak dan Kota Melaka. Di sini suka-lah saya nyatakan bahawa Kerajaan telahpun berjaya mengawal inflasi pada keseluruhannya seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri dalam ucapan Belanjawannya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, satu daripada sebabnya di mana Kerajaan telah berjaya mengatasi masaalah ini ialah bahawa ianya telah diawasi dengan bersungguh-sungguh oleh Kerajaan dalam beberapa tahun yang lepas dan satu Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kabinet mengenai Beras dan Barang-barang Perlu yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn yang selalu mengadakan mesyuarat-mesyuarat bagi membincangkan soal-soal kekurangan bekalan, kenaikan harga dan inflasi keseluruhannya, dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masaalah yang timbul itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Kota Melaka, Kuala Kerai dan Kuala Selangor menggesa Kerajaan untuk meluaskan kawasan pasaran barang-barang eksport Malaysia khususnya ke negara-negara Asia Barat, Eropah Timur, China dan Libya supaya negara ini tidak terlalu bergantung kepada kawasan-kawasan pasaran yang ada sekarang khususnya negeri Jepun dan negara-negara Eropah Barat.

Pihak Kerajaan memang sedar bahawa 18% barang-barang keluaran Malaysia diekspot ke negara Jepun dan 21% ke negara-negara EEC bagi tempoh masa 1970-1974. Walau bagaimanapun, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mempelbagaikan pasaran barang-barang eksport kita. Langkah-langkah sedang diambil untuk mencari kawasan pasaran-pasaran yang baru. Dalam usaha ini langkah telah diambil oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menggalakkan eksport ke negara-negara Asia Barat dan negara-negara Blok Eropah Timur.

Dalam tahun 1974 dan sehingga bulan November tahun ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menghantar dan menerima beberapa rombongan perdagangan dari Asia Barat dan Eropah Timur dan juga mengambil bahagian di beberapa pameran perdagangan di negara-negara Asia Barat dan Eropah Timur. Usaha-usaha untuk menggalakkan eksport di Republik Rakyat China adalah terhad kepada dua jenis barang sahaja iaitu barang-barang mentah seperti getah, minyak kelapa sawit dan kayu-kayan; yang keduanya barang-barang keluaran teknologi baru yang tidak terdapat di negara tersebut. Dalam hal ini Malaysia hanya boleh mengambil kesempatan menggalakkan eksport barang-barang mentah sahaja. Satu rombongan perdagangan getah yang dianjurkan oleh Kementerian Perusahaan Utama telah dihantar ke negeri China dalam bulan Mei tahun ini untuk menggalakkan penggunaan getah asli di negara tersebut. Kementerian Tanah dan Galian pula telah menganjurkan satu rombongan minyak kelapa sawit ke negara yang sama dalam bulan Mei tahun ini yang bertujuan menggalakkan penggunaan minyak kelapa sawit.

Menyentuh tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong supaya pihak Kerajaan memberikan kemudahan eksport kepada perusahaannya yang berbentuk export-oriented, kawasan perdagangan bebas, penubuhan kawasan-kawasan perdagangan bebas itu sendiri merupakan satu jenis galakan kerana syarikat-syarikat yang didirikan di dalam kawasan-kawasan tersebut mendapat berbagai-bagai kemudahan.

Mengenai usul supaya Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan kepada pengusaha-pengusaha tempatan supaya berhubung dengan pelanggan-pelanggan di luar negeri, saya ingin memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dewasa ini mempunyai 19 buah pejabat perdagangan di seberang laut yang ditempatkan di pusat-pusat perniagaan penting. Pengusaha-pengusaha bolehlah menggunakan perkhidmatan yang disediakan ini dengan menghubungi Bahagian Perdagangan Antarabangsa ataupun pejabat-pejabat perdagangan di seberang laut.

Akhir sekali, berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang menyatakan bahawa pegawai-pegawai kita di luar negeri tidak dapat memberi

keterangan mengenai perdagangan semasa lawatannya ke Eropah Timur, pihak Kementerian sedang membuat penilaian terhadap prestasi (performance) pegawai-pegawai perdagangan di luar negeri untuk membaiki perkhidmatan mereka.

5.00 ptg.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan am Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 sejak beberapa hari yang lalu banyak perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pelajaran. Saya tidak dapat menjawab semua yang dibangkitkan satu persatu kerana ini akan mengambil masa yang panjang. Oleh itu, saya akan menjelaskan di sini perkara-perkara yang saya rasa penting sahaja yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Saya dapati beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara mengenai demonstrasi-demonstrasi yang telah diadakan oleh penuntut-penuntut Malaysia di Australia dan New Zealand di mana kunjungan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri ke sana baru-baru ini. Dan dalam perkara ini, saya telahpun memberi penjelasan panjang lebar sewaktu menjawab soalan mulut Ahli-ahli Yang Berhormat tempoh hari. Saya tidak bertujuan untuk mengulangi semua yang telah saya perkatakan. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa mereka yang terlibat di dalam demonstrasi itu adalah merupakan bilangan kecil dari jumlah keseluruhan pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Australia dan juga di negeri-negeri lain di seberang laut. Mereka ini adalah merupakan orang-orang yang sengaja tidak mahu mendengar dan menerima apa-apa juga penjelasan dan penerangan yang kita beri. Mereka berperasaan bahawa mereka adalah pejuang-pejuang untuk orang-orang yang kurang bernasib baik dan pada mereka, hanya mereka sahajalah yang betul walaupun kita telah menunjukkan bukti bahawa dakwaan mereka adalah tidak betul sama sekali. Mereka serta rakan-rakan mereka yang terdiri dari penuntut-penuntut bangsa Australia dan New Zealand adalah pemimpin kerdil yang ingin berlagak sebagai pejuang keadilan di dunia. Kita patut tinggalkan mereka dengan khayalan mereka itu.

Kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap pelajar-pelajar Malaysia yang menjalankan aktiviti-aktiviti anti-nasional semasa menuntut di luar negeri jika aktiviti mereka itu menyalahi undang-undang dan mengancam keselamatan negara. Kita tidak dapat bertindak semata-mata kerana demonstrasi mereka di negara lain kerana perbuatan itu tertakluk kepada undang-undang negara itu sendiri. Sebenarnya, Kerajaan Australia juga telah menangkap mereka jika mereka memecah keamanan negeri.

Suka saya menjelaskan di sini, sehingga sekarang Kerajaan tidak menjalankan apa-apa pengintipan terhadap pelajar kita di luar negeri selain daripada perhubungan yang biasa diadakan oleh Kedutaan dengan warganegara masing-masing, tetapi oleh kerana terdapat beberapa kes yang mana pelajar sebenarnya tidak ingin belajar, tetapi ingin berpolitik di luar negeri, pihak Kerajaan sedang mengkaji cara-cara menentukan supaya mereka yang betul-betul ingin belajar sahaja dibenarkan pergi ke luar negeri dan jika mereka itu melakukan perkara yang tidak diingini, kemudahan berada di luar negeri akan ditarik balik. Kita tidak boleh lupa bahawa tiap-tiap satu penuntut kita yang berada di luar negeri bermakna duit daripada Malaysia akan mengalir keluar dan mengurangkan foreign exchange yang begitu penting bagi ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sarawak ada membangkitkan betapa kecilnya bilangan pelajar-pelajar dari suku Dayak yang menuntut di Universiti tempatan di negara ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum kemasukan penuntut-penuntut ke universiti-universiti adalah terutamanya berdasarkan kepada kelayakan dan kelulusan pemohon-pemohon. Sungguhpun demikian, sejak beberapa tahun ini Yunit Pusat Universiti-universiti yang diberi tugas memilih semua calon-calon untuk semua universiti tempatan telah menimbangkan bukan sahaja kejayaan akademik tetapi juga latarbelakang penuntut seperti kehidupan di kawasan luar bandar yang biasanya menghalang kejayaan penuntut. Oleh sebab itu, bilangan penuntut dari luar bandar termasuk penuntut Iban telah bertambah lebih daripada dahulu. Kita berharap bilangan mereka akan bertambah lagi dengan bertambahnya kemudahan pelajaran di Sarawak.

Menyentuh tentang kemasukan ke universiti-universiti tempatan juga Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput pula mengesyorkan supaya tempat-tempat universiti-universiti dikhaskan kepada permohonan-permohonan dari keturunan India. Berhubung dengan perkara ini saya ingin menjelaskan bahawa dasar pengambilan penuntut bagi institusi pelajaran tinggi bukan supaya bilangan yang masuk atau berada dalam universiti-universiti tempatan mencerminkan kedudukan kaum dalam negara kita, tujuan dasar pengambilan ialah supaya apabila mereka lulus, mereka akan menolong mengurangkan kepincangan dan kedudukan tidak seimbang dalam berbagai jurusan dan bidang kerja yang terdapat di negara ini. Kedudukan dalam bidang profesional dan teknikal dan juga lain-lain perkhidmatan bergantung bukan semata-mata kepada kelulusan daripada universiti tempatan tetapi juga dari universiti di luar negeri. Kita perlu ingat bahawa sementara kita ada lebih-kurang 18,000 orang penuntut institusi pelajaran tinggi di dalam Malaysia, kita ada hampir 30,000 orang penuntut di luar negeri. Sungguhpun kita dapat menentukan nisbah penuntut dari berbagai kaum di universiti tempatan, kita tidak dapat menentukan nisbah di luar negeri. Sebab itu, kita perlu counter balance pengeluaran dari universiti luar negeri dengan menentukan bilangan yang masuk ke universiti di dalam negeri.

Saya ingin menegaskan dan menjelaskan bahawa setakat ini walaupun kita telah cuba sedaya-upaya, kita masih tidak dapat menentukan bahawa pengambilan penuntut bagi universiti tempatan akhirnya akan menolong mengurangkan kedudukan tidak seimbang yang terdapat diberbagai bidang kerja di negara kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Kuala Krai, Arau dan Kangar telah membangkitkan soal mengenai sekolah dan pelajaran agama. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan-pandangan dan kritik-kritik yang telah dibuat berhubung dengan perkara ini. Bagi menjawabnya inginlah saya mengulangi sekali lagi bahawa Kementerian Pelajaran telah mengadakan sebuah Majlis Penasihat Pelajaran Agama yang akan menolong Menteri Pelajaran memperbaiki lagi mutu pelajaran agama Islam dengan apa cara sekalipun termasuk latihan guru-guru agama. Guru-guru agama yang tidak terlatih di sekolah-sekolah menengah yang di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran semenjak

tahun 1962 sehingga 1974 semuanya telah diberi latihan perguruan dalam perkhidmatan samada yang berkelulusan menengah agama atau siswazah. Bilangan mereka adalah seramai 903 orang. Mereka yang dilantik pada tahun 1973 tanpa latihan sedang dirancangan kursus untuk mereka dalam tahun 1976 nanti. Ini tidak termasuk latihan perguruan sebelum perkhidmatan bagi bakal guru-guru agama sekolah menengah yang diadakan di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras. Bilangan mereka yang dilatih tiap-tiap tahun mulai 1970 ialah seramai 60 orang dan pada tahun ini bertambah menjadi seramai 90 orang.

Meskipun guru-guru agama di sekolah bantuan Kerajaan pada masa yang lalu adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri tetapi Kementerian Pelajaran telah menawarkan latihan kepada mereka. Daripada bilangan seramai 3,959 orang guru-guru agama berkenaan, seramai 1,277 orang telah mendapat latihan perguruan dalam perkhidmatan daripada Kementerian Pelajaran. Masa belajar pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah bantuan Kerajaan mengikut yang diperuntukkan oleh Akta Pelajaran, 1961 sekurang-kurangnya ialah 100 minit seminggu. Desakan telah dibuat berkali-kali supaya masa untuk pelajaran agama patut ditambah. Saya ingin menjelaskan bahawa kecapaian pengetahuan tentang apa juga pelajaran bergantung bukan semata-mata kepada masa yang diperuntukkan bagi matapelajaran itu tetapi juga sukatan pelajaran yang ditetapkan. Sudah tentu jika sukatan ini tinggi, masa untuk pelajarannya juga terpaksa lebih panjang. Jika dipertingkatkan lagi taraf pelajaran yang dikehendaki bukan sahaja masa dalam satu minggu bagi pelajaran itu patut ditambah tetapi bilangan tahun untuk meningkat ke peringkat itu juga patut ditambah.

Menambah masa dalam satu minggu untuk pelajaran agama bermakna masa untuk pelajaran lain mestilah dikurangkan. Jika ini dilakukan, kecapaian murid Islam dalam matapelajaran lain tentulah akan lebih rendah lagi daripada yang terdapat sekarang. Selain daripada itu, banyak ibu-bapa murid-murid Islam meminta supaya saya tambah masa untuk matapelajaran lain dan juga mengajar matapelajaran baru. Dengan ini adalah jelas bahawa penambahan masa bukan satu perkara yang boleh dibuat semata-mata atas desakan sahaja. Sehingga sekarang saya belum dapat menerima bahawa untuk sukatan pelajaran agama yang telah ditetapkan

masa yang ditentukan tidak mencukupi. Kebanyakan murid dapat menguasai pelajaran agama dalam masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, penguasaan satu-satu mata-pelajaran tidak boleh dibuat dalam masa untuknya dalam sekolah sahaja. Pelajaran tambahan dan ulangan mestilah dibuat di rumah, di luar daripada masa sekolah.

Saya telahpun menyatakan dahulu bahawa Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengambil alih seluruh Sekolah-sekolah Agama Rakyat, kerana mengambil alih sekolah-sekolah itu akan menimbulkan implikasi yang tidak dapat diatasi oleh Kementerian ini dari segi kelayakan guru, murid-murid, hakmilik tanah, bangunan dan perbelanjaan. Walaupun demikian, Sekolah-sekolah Agama Rakyat itu adalah menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan pada tiap-tiap tahun sejak tahun 1958 berdasarkan kepada syarat-syarat peraturan dan kadar yang disyorkan oleh Penyata Jawatankuasa Menimbang Bantuan Kerajaan pada Sekolah-sekolah Agama Islam yang bukan Kerajaan. Kadar bantuan itu telah disemak semula oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1973 dengan tujuan melegakan keadaan kewangan Sekolah-sekolah Agama Rakyat dan meninggikan kemajuannya. Kementerian bercadang menambahkan kadar bantuan seperti berikut:

- (1) Bantuan \$20 setahun kepada seorang murid pada peringkat rendah;
- (2) Bantuan \$30 setahun kepada seorang murid pada peringkat menengah rendah; dan
- (3) Bantuan \$40 setahun kepada seorang murid pada peringkat menengah atas.

Cadangan ini telah dikemukakan kepada pihak yang berkenaan dan masih dalam rundingan lagi. Tetapi adalah tidak benar bahawa Sekolah-sekolah Agama Rakyat terpaksa tutup pintu kerana tidak mendapat bantuan. Sebenarnya, sekolah itu terpaksa tutup pintu kerana tidak mendapat bilangan murid yang berdaftar untuk belajar di sekolah itu dengan cukup dan guru-gurunya berhenti kerana mendapat pekerjaan yang lain. Bilangan sekolah agama yang tutup, sekiranya ada, saya rasa tidaklah banyak bahkan bilangannya adalah biasa sahaja seperti yang pernah berlaku sejak dahulu lagi, tidaklah sebanyak seperti dugaan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Ada sekolah-sekolah yang tutup dengan sebab-sebab yang telah disebutkan tadi dan ada pula sekolah-sekolah yang lain yang dibuka. Memandangkan ke-

pada apa yang saya nyatakan di atas adalah tidak benar sangkaan selama ini yang keadaan sekolah dan pelajaran agama di sekolah-sekolah tidak mendapat perhatian yang wajar daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pelajaran di dalam kawasan luar bandar, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah banyak membangkitkan soalan-soalan berhubung dengan kemajuan pelajaran di kawasan luar bandar. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sentiasa menumpukan usaha untuk memperbaiki keadaan sekolah-sekolah di kawasan luar bandar dan banyak peruntukan dan kemajuan telah dilakukan. Namun begitu, keadaan belumlah sebaik seperti sekolah-sekolah di dalam bandar akan tetapi terdapat juga beberapa sekolah di luar bandar yang kemudahan-kemudahannya sama lengkapnya dengan sekolah-sekolah di dalam bandar, di samping itu lebih ramai guru-guru terlatih telah dihantar bertugas bagi meninggikan mutu dan darjah pelajaran di luar bandar.

Berhubung dengan kelengkapan khutub-khanah sekolah-sekolah di luar bandar, Kementerian Pelajaran telah memberi peruntukan khas bagi membeli buku-buku khutub-khanah dengan kadar \$1.40 bagi tiap-tiap seorang murid sekolah rendah dan \$2 bagi tiap-tiap seorang murid di sekolah menengah. Kementerian Pelajaran juga sedar bahawa banyak lagi sekolah-sekolah di luar bandar dan kampung-kampung baru yang belum standing dengan di dalam bandar, tidak kira apa aliran sekalipun dan memang menjadi tujuan Kementerian Pelajaran untuk memperbaiki keadaan ini, tetapi tentulah tidak dapat semua tuntutan tentang sekolah luar bandar dilayan dengan serentak. Di samping itu Kementerian Pelajaran juga akan memberi lebih banyak lagi bilik-bilik perpustakaan, dewan-dewan dan asrama-asrama di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Mengenai sungutan yang sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China sahaja yang terpaksa mengadakan multiple teaching, suka saya nyatakan di sini beberapa buah sekolah rendah lain juga terpaksa menghadapi masalah ini kerana kekurangan bilik darjah dan bilangan murid-murid tidak mencukupi untuk dibina kemudahan-kemudahan itu dengan cara economical. Kementerian Pelajaran sekarang ini sedang berusaha untuk memberi kemudahan-kemudahan tersebut bagi semua jenis-jenis sekolah luar bandar.

Mengenai kelewatan perlaksanaan pembinaan pembangunan sekolah-sekolah, maka saya ingin jelaskan bahawa hal ini bukan sahaja kerana kekurangan kakitangan JKR tetapi juga beberapa faktor lain, seperti kerumitan-kerumitan yang dihadapi dalam soal mengambil alih tanah, perkara pemborong meninggalkan kerja dan kos pembinaan yang lebih tinggi daripada anggaran yang menyebabkan panggilan tender dibuat beberapa kali.

Berhubung dengan masaalah yang timbul dari penukaran nama sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris ke sekolah rendah kebangsaan, Kementerian Pelajaran telah mengarahkan semua Jabatan Negeri supaya menukarkan sebahagian daripada guru-guru mengikut kepentingan pelajaran murid. Kita harus ingat bahawa masaalah yang mesti diutamakan ialah pelajaran murid, keinginan guru mengajar di kawasan bandar di mana terdapatnya sekolah-sekolah Inggeris dahulu tidaklah dapat diberi priority yang pertama. Untuk membantu murid-murid dari keluarga-keluarga yang kurang berada dan miskin, Kementerian Pelajaran telah melancarkan Sekim Pinjaman Buku Teks pada tahun ini sebagaimana yang telah saya terangkan di Dewan ini. Untuk meningkatkan lagi nilai pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, terutama di sekolah-sekolah rendah kebangsaan di kampung-kampung, Kementerian Pelajaran telah menghantar lebih ramai guru-guru yang berkeelayakan dalam matapelajaran itu ke sekolah-sekolah tersebut. Kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk pengajaran bahasa Inggeris telah dijalankan di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah oleh key personnel.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelajaran di Sabah dan Sarawak, Kementerian Pelajaran sentiasa memberi keutamaan dan menitikberatkan kemajuan sekolah-sekolah dan pelajaran di Sabah dan Sarawak. Berbagai-bagai langkah telah dan sedang diambil untuk memperbaiki bangunan-bangunan lama, menyediakan kemudahan-kemudahan dan peralatan-peralatan yang diperlukan. Projek-projek seperti ini adalah dibuat mengikut kedudukan kewangan dan priority.

Merujuk kepada soalan mengenai pelajaran China di Sarawak, suka saya maklumkan bahawa bahasa China boleh dipelajari dari peringkat sekolah rendah hingga ke

peringkat Universiti, jikalau orang ramai perlukannya, dan juga tiap-tiap orang adalah bebas untuk mempelajari bahasa ibunda sepertimana yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Mengenai pembinaan sekolah-sekolah menengah di Ulu Mukah untuk menampung keperluan penduduk-penduduk di Bahagian Ketiga Sarawak, Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian berhubung dengan faktor-faktor yang berkaitan seperti kemudahan perubahan dan sebagainya.

Mengenai kursus intensif latihan semula Bahasa Malaysia di Sarawak, Kementerian Pelajaran telah bersetuju pada dasarnya supaya 16 orang Pegawai Perkhidmatan Pelajaran, Semenanjung Malaysia dipinjamkan ke Sarawak untuk membantu merancang dan mengendalikan kursus tersebut. Hingga kini seramai 11 orang pegawai telah dipilih untuk dipelawa ke Sarawak di bawah Sekim Pinjaman Pegawai-pegawai Semenanjung Malaysia bagi kursus-kursus itu. Wang peruntukan sebanyak \$1,050,062 untuk kursus tersebut juga telah dipersetujui pada dasarnya.

Berhubung dengan kelayakan guru-guru pelatih dan guru-guru Bahasa Malaysia bagi Perkhidmatan Pelajaran Negeri Sarawak, suka saya nyatakan bahawa kelayakan minima untuk guru-guru pelatih dan guru-guru Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia tersebut adalah sama dengan kelayakan minima bagi guru-guru pelatih dan guru-guru Bahasa Malaysia untuk Perkhidmatan Pelajaran di Semenanjung Malaysia.

Berhubung dengan pelajaran Tamil, suka saya nyatakan di sini bahawa beberapa langkah telah dan sedang diambil untuk mengatasi masaalah-masaalah di Sekolah-sekolah Tamil seperti menghantar guru-guru berkeelayakan dua atau tiga bahasa yang berkebolehan mengajar Bahasa Malaysia dan Inggeris bertugas di Sekolah-sekolah Tamil. Latihan professional telah juga diberi kepada 211 orang guru-guru sementara di Sekolah-sekolah Tamil yang mempunyai kelayakan yang cukup sepertimana yang disyaratkan dengan mengikuti kursus-kursus Sijil Rendah Pelajaran dalam masa cuti persekolahan.

Mengenai matapelajaran Kesusasteraan Tamil bagi peperiksaan Sijil Persekolahan, perkara ini sememangnya ada di dalam peraturan peperiksaan tersebut dan terpulanglah

kepada sekolah-sekolah dan murid-murid mengambilnya. Adalah menjadi polisi Kementerian Pelajaran juga untuk mencantumkan Sekolah-sekolah Tamil yang kecil yang berselerak kepada yunit-yunit sekolah yang berpatutan besarnya. Perkara seumpama ini telah dilaksanakan bilamana terdapat permintaan-permintaan dan sokongan oleh Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri dari semasa ke semasa.

Berhubung dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak, sukacita saya menyatakan bahawa di peringkat Kementerian sememangnya tidak ada, tidak ujud apa-apa jenis peperiksaan objektif sekalipun untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah pada peringkat Darjah I. Malahan di peringkat Darjah I pun tiada ada apa-apa bentuk atau jenis peperiksaan yang dijalankan oleh Pusat Peperiksaan untuk seluruh negeri. Pihak Kementerian memang tidak mengadakan ujian bentuk objektif begitu awal malahan jika dikaji dengan teliti ujian objektif ini diadakan secara menyeluruh di sekolah-sekolah di negara kita hanya pada peringkat Darjah V sahaja iaitu bagi Peperiksaan Penilaian Darjah V. Ujian Darjah III yang diadakan dalam bentuk objektif adalah dilaksanakan bagi panduan guru-guru dan bertujuan untuk mengesan kelemahan murid-murid dalam matapelajaran tertentu. Matlamatnya bukanlah untuk membandingkan dan membezakan pencapaian murid-murid, tetapi ialah untuk mengetahui kelemahan-kelemahan mereka sebagai panduan kepada guru-guru untuk mengadakan pengajaran kebolehan.

Berhubung dengan pemberian markah-markah, patutlah diingat bahawa markah-markah diberi selepas satu ujian di dalam kelas hanya merupakan jangkaan kebolehan murid-murid yang berkenaan. Markah-markah yang didapati bergantung kepada mutu ujiannya itu. Jika ujian itu senang, maka markah yang dicapai oleh murid-murid itu tinggi. Sebaliknya, jika ujian itu sukar ataupun susah mengenai kebolehan murid-murid perlu dibuat berdasarkan kedudukan di dalam kelasnya sendiri iaitu kedudukannya berbanding dengan sahabat-sahabatnya yang lain. Walaupun begitu aspek kedudukan murid-murid di dalam kelas ini pun harus di teliti juga. Kedudukan ditempat pertama di dalam sebuah kelas yang lemah bererti yang murid berkenaan hanya berkebolehan baik di dalam kelas itu sahaja. Sekiranya murid itu

ditempatkan di dalam sebuah kelas yang lebih baik tentulah kedudukannya akan merosot ataupun jatuh. Untuk membolehkan kita mengetahui perlakuan seseorang murid yang sebenarnya kenalah kita perbandingan pencapaiannya dengan murid-murid lain yang seumur dengannya di luar sekolahnya. Untuk tujuan ini Kementerian Pelajaran mengadakan ujian-ujian yang disetarakan seperti ujian-ujian di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V misalnya.

Di dalam menyentuh tentang Dasar Pelajaran Kebangsaan, Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah membangkitkan mengenai pelajaran China. Inginlah saya tegaskan di sini bahawa perkara ini bukanlah kali ini sahaja telah dibangkitkan, malah perkara yang berkenaan telah beberapa kali dilancarkan di Dewan ini. Perkaranya sama, tetapi cara bagaimana perkara itu dibangkitkan sahajalah yang berlainan. Di dalam hubungan ini, saya telahpun menegaskan pendirian Kerajaan dengan panjang lebar semasa saya menjawab usul yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 27hb Oktober, 1975 yang baru lepas. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengulang semua yang telah saya perkatakan, kerana sekiranya saya terus melayan perkara seumpama ini, sampai bila pun tidak akan berakhir. Sebagaimana yang telah saya katakan tempoh hari tujuan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara yang sama berulang kali tertumpu kepada menguji sikap Ahli-ahli MCA, MIC dan GERAKAN. Tujuan ini lebih merupakan politik parti daripada minat untuk meninggikan pelajaran bahasa China. Saya tidak bercadang untuk melayan sungutan ini selain daripada menegaskan pada kali penghabisan bahawa memang saya akui masalah Sekolah China dan Sekolah Tamil jua adalah masalah nasional. Adanya sekolah-sekolah ini di dalam sistem pelajaran kita ialah oleh kerana ianya menjadi sebahagian daripada sistem pelajaran nasional, tetapi dengan masalah ini dibangkitkan berterusan seumpama ini sudah berlaku penyelewengan masalah nasional kepada masalah perkauman yang mana jika seseorang menentang atau tidak menyokong ianya menunjukkan bahawa seseorang itu tidak menyokong dan menentang kaum mereka sendiri, dan jika ia menyokong, maka ini merupakan bahawa ianyalah seorang yang memperjuangkan hak kaumnya. Saya berpendapat bahawa perkara-perkara

seumpama itu tidaklah molek untuk dipanjangkan kerana ini tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada negara, sebaliknya ini hanya akan memburukkan dan mengeruhkan lagi keadaan di dalam negara kita di mana penduduknya terdiri daripada berbagai kaum.

Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini bahawa tiap-tiap community adalah bebas untuk mengekalkan kebudayaannya dan juga mempelajari bahasa ibundanya sebagaimana yang terkandung di dalam Perlembagaan negara. Kerajaan mengakui betapa perlunya mengajar ibunda kepada murid-murid dari berbagai keturunan. Untuk tujuan ini peruntukan-peruntukan telahpun disediakan bagi pengajaran bahasa China dan bahasa Tamil di sekolah-sekolah rendah dan juga menengah sekiranya terdapat lebih daripada 15 orang murid-murid di dalam sesebuah kelas atau tingkatan meminta supaya bahasa ibunda mereka diajar. Sebagaimana yang diketahui sekarang ini Kerajaan sedang melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama secara berperingkat-peringkat bermula dari sekolah-sekolah rendah sampailah ke peringkat universiti. Sebab-sebabnya adalah jelas dan ini bukan merupakan perkara yang baharu, oleh itu saya tidak ingin melihat apa-apa penyelewengan di dalam pelaksanaan dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada membangkitkan pelajaran bahasa ibunda, Ahli Yang Berhormat dari Mata Kuching telah memberi pandangan-pandangan mengenai dasar pelajaran keseluruhannya. Sebagai mengupas pandangan-pandangan itu inginalah saya menyatakan di sini bahawa rancangan-rancangan pelajaran jarang yang bersifat static. Apabila masyarakat Malaysia berkembang ke arah kemajuan sudah tentulah berbagai rancangan pelajaran terpaksa diadakan untuk menemui kehendak-kehendak itu dan mengatasi masalah-masalah baharu. Di antara langkah-langkah yang dititikberatkan dalam lapangan pelajaran sekarang ini ialah perpaduan negara dan keadaan masyarakat. Sekolah memang telah lama dianggap sebagai satu institusi sosial yang ditubuhkan oleh masyarakat bukan sahaja untuk mengabadikan tradisi-tradisi, kebudayaan-kebudayaan, citi-cita dan aspirasinya ke dalam jiwa jenerasi muda kita bahkan juga untuk memupuk dan menanam-

kan ilmu pengetahuan, idea-idea dan nilai-nilai baharu supaya mereka bersiap sedia untuk menghadapi masa hadapan.

Dalam sebuah masyarakat yang terdapat berbagai golongan sosio-ekonomi yang berasaskan berbagai keturunan bahasa, kebudayaan dengan latar belakang didikan serta tradisi-tradisi yang berlainan, maka kita kenalah menumpukan usaha terhadap sekolah-sekolah dan rancangan-rancangan pelajarannya untuk dijadikan alat-alat yang berkesan bagi mencapai matlamat-matlamat perpaduan negara dan mengadakan tenaga manusia yang terlatih dan cukup.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membuat syor-syor, pandangan-pandangan dan kritik-kritik berhubung dengan masalah pelajaran di negara ini. Sebagaimana yang telah dikatakan pada awal-awal tadi, saya tidak dapat mengulas semua syor-syor, pandangan-pandangan dan kritik-kritik yang telah dibangkitkan memandangkan yang banyak di antara perkara-perkara itu telahpun dibangkitkan di Dewan ini sebelum ini di dalam persidangan yang sedang berjalan sekarang dan saya telahpun memberi ulasan terhadap syor-syor, pandangan-pandangan dan kritik-kritik tersebut.

Selain daripada itu, saya akan menjawab dan menjelaskan sekali lagi berkenaan dengan masalah pelajaran di waktu membentangkan peruntukan perbelanjaan bagi Kementerian Pelajaran.

5.34 *ptg.*

Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menjawab dua tiga perkara sahaja yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Mengenai perasaan tidak puas hati yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat terhadap perwakilan-perwakilan kita di Australia dan New Zealand serta pegawai-pegawai mereka dan anggapannya bahawa tunjuk perasaan yang berlaku di masa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu menunjukkan kelemahan pegawai-pegawai Perwakilan Malaysia. Saya rasa itu sangatlah menyeluruh dan umum dari segi perkataannya. Seperti yang saya telah

terangkan beberapa kali di Dewan ini dari 6,000 orang pelajar Malaysia di Australia dan 2,000 di New Zealand cuma segelintir sahaja atau tidak lebih daripada 10 atau 15 orang pelajar Malaysia yang telah melibatkan diri dalam tunjuk perasaan itu. Sebahagian besar yang berbuat demikian ialah pelajar-pelajar Australia dan New Zealand sendiri. Pelajar-pelajar Malaysia yang telah membuat tunjuk perasaan itu ialah sekumpulan kecil yang radikal yang dipengaruhi oleh rakan-rakan mereka yang terdiri daripada office bearers Kesatuan-kesatuan pelajar Australia dan New Zealand. Saya rasa mereka itu tentulah tidak mengadakan tunjuk perasaan sekiranya tidak digalakkan oleh pelajar-pelajar Australia dan New Zealand itu. Kerajaan telahpun mengetahui bahawa pelajar-pelajar di Australia dan New Zealand telah merancang mengadakan tunjuk perasaan semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui, lawatan-lawatan itu adalah dibuat dalam rangka mempererat lagi hubungan persahabatan dan persefahaman di antara Malaysia dan ketua-ketua negara itu dan tindakan-tindakan yang dirancang oleh pelajar-pelajar itu sepatutnya tidaklah menjadi halangan kepada lawatan itu dan dengan segelintir yang kecil sahaja pula membatalkan satu kegiatan yang kita sifatkan mempereratkan hubungan Malaysia dengan Australia yang sebenarnya perkara ini tidak pernah berlaku kepada kita. Maka perkara ini kita sifatkan sebagai satu perkara yang luar biasa. Adakah dengan ini kita hendak mengorbankan hal-hal dan kegiatan-kegiatan yang lain. Adakah kita akan membelanjakan wang ringgit sebegitu banyak untuk memperbaiki penuntut-penuntut yang sebilangan kecil sahaja dan barangkali tidak sanggup diperbaiki. Keselamatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun tidak terjejas semasa lawatan itu. Kejadian-kejadian tunjuk perasaan itu telah diperbesar-besarkan oleh akhbar-akhbar dan ejensi-ejensi berita.

Mengenai dasar kita terhadap negara Indo-China yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai, adalah menjadi kenyataan bahawa kita telahpun menghulurkan tangan persahabatan kepada mereka dan bersedia bekerjasama dengan mereka untuk faedah bersama. Pendirian ini juga dibuat oleh negara-negara ASEAN yang lain.

Mengenai Perwakilan kita di Baghdad, Iraq, adalah menjadi dasar kita untuk mengadakan Duta Besar mengetuai perwakilan itu. Oleh sebab kewangan serta juga kekurangan pegawai yang berkecualan pada masa ini perwakilan itu diketuai oleh seorang pegawai kanan sebagai Kuasa-usaha. Saya juga suka mengatakan bahawa adalah menjadi kebiasaan kepada Kementerian Luar Negeri iaitu buat permulaan diketuai oleh saya dan pegawai kanan yang ditarafkan sebagai Kuasa-usaha dan Duta Besar akan dilantik selepas daripada beberapa masa yang ditetapkan. Kerajaan juga akan meninjau kemungkinan menubuhkan lebih banyak perwakilan-perwakilan kita di negara-negara Arab sekiranya masalah-masalah tersebut dapat diatasi. Saya suka juga menerangkan di sini bahawa dasar luar kita adalah berdasarkan kepada prinsip non-aligned ataupun berkecuali, hidup bersama dan bersahabat dengan mana-mana negara yang ingin bersahabat dengan kita tidak mengira faham dan sistem sosial mereka. Dasar ini telah membawa kita keuntungan dan perhubungan antarabangsa kita seperti baharu-baharu ini Malaysia telah dilantik menjadi Ahli ECOSOT (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) dengan suara yang terbanyak sekali dicapai oleh mana-mana negara iaitu sebanyak 135 undi. Namun demikian, kita sentiasa berwaspada dalam perjalanan dasar itu dan dalam usaha-usaha kita memperluaskan hubungan antarabangsa kita, keselamatan negara kita tidak terjejas tetapi sebaliknya terus terjamin. Kementerian saya mengambil perhatian terhadap teguran-teguran yang dibuat atas pegawai-pegawainya. Saya percaya pada keseluruhannya pegawai-pegawai ini adalah cepak dan berkecualan serta menunjukkan didikasi serta professionalism dalam tugas-tugas mereka seperti ternyata dalam kejayaan dasar luar kita. Kementerian saya sentiasa mengkaji dan membaiki pentadbiran perwakilan-perwakilan kita di seberang laut. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri, untuk mencapai faedah-faedah maksima dalam usaha-usaha tersebut masalaah kewangan dan kekurangan pegawai-pegawai yang di alami sekarang ini oleh Kementerian saya terpaksa diatasi lebih dahulu.

Saya mengucapkan terima kasih atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha

Kementerian saya dan teguran-teguran yang membina itu akan diambil perhatian dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu yang sentiasa diambil perhatian.

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya suka bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran, pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang telah dimajukan dalam Dewan ini berkenaan jabatan-jabatan dan perkhidmatan yang dijalankan ataupun yang diberikan oleh Jabatan-jabatan di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri. Kesemua yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi tahniah, saya memberi ucapan terima kasih yang istimewa dan mereka pun ada dalam perhatian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Perhatian yang macam mana?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan penerangan, penjelasan dan jawapan yang saya akan beri maka diharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat melihat dan memahami dengan lebih jelas dan mendalam lagi akan dasar dan perlaksanaannya dan dapat pula menyambungkan hal ini kepada rakyat, muga-muga mereka akan memahami masalah-masalah Kerajaan dan rancangan-rancangan yang telah, sedang dan akan dijalankan atau dirancang untuk kesejahteraan hidup mereka dan jenerasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli dari Kepong dalam ucapannya pada 10hb November, 1975 telah antara lain, menyentuh tentang bilangan dan kecekapan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam (Civil Service) yang pada pendapatnya adalah tersangat besar jika dibandingkan dengan tenaga kerja pada keseluruhannya terdapat dalam negara ini, tetapi kecekapan perkhidmatannya tidak begitu memuaskan.

Saya tidak menafikan bahawa 1/2 juta daripada sejumlah 3½ juta dalam negara ini adalah terdiri dari kakitangan Kerajaan

termasuk pekerja-pekerja dalam Badan-badan Berkanun. Tetapi ini adalah merupakan 14.3% daripada jumlah tenaga pekerja pada keseluruhannya dan hanya 4.2% daripada jumlah rakyat negara ini.

Pada hakikatnya adalah satu bilangan yang kecil dan difikirkan menasabah memandangkan kepada keperluan negara mengekalkan keamanan dan menjaga keselamatan. Usaha-usaha pembangunan ekonomi serta mengadakan kemudahan-kemudahan tertentu seperti kesihatan dan pelajaran sahaja umpamanya, 4/5 daripada jumlah kakitangan terlibat secara terus-menerus dan sebilangan besar daripada mereka ini adalah terdiri daripada pekerja-pekerja yang gaji puratanya tidak lebih daripada \$500 sebulan.

Perlu ditegaskan di sini bahawa Kerajaan adalah sentiasa mengkaji keperluan keadaannya dan di mana terdapat jawatan-jawatan berlebihan dan tindakan diambil untuk mengurangkan ataupun menempatkan mereka di Jabatan-jabatan lain. Keadaan sekarang mendesak pengujudan dan pengisian jawatan dibekukan, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum.

Sebagai satu negara yang sedang membangun, Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak pula mencadangkan supaya jawatan Kerajaan ini tidak statik (I hope the Honourable Member is not suggesting the number of posts remain static for all time). Tumpuan sentiasa akan berlaku di kalangan Kerajaan selaras dengan keperluan masa bagi mencapai tempat di dalam berbagai bidang yang diperlukan untuk kemakmuran dan kestabilan negara.

Dalam hal ini, saya berpuashati dengan kecekapan dan kelicinan Jabatan-jabatan Kerajaan yang ada sekarang memandangkan kepada rekodnya masa yang lampau dan kemajuan-kemajuan yang telah tercapai sehingga ini. Di samping itu, Kerajaan sentiasa berusaha dan akan terus-menerus berhasrat dan berusaha untuk memperbaiki lagi kelicinan perkhidmatan awamnya dan kecekapan kakitangan-kakitangannya dengan mengadakan perubahan dan pembaharuan sistem-sistem serta kemudahan latihan dan sebagainya, tetapi ini bukanlah satu perkara yang mudah kerana ianya memerlukan kajian-kajian yang teliti, factor-factor human dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, consideration berdasarkan kecekapan sentiasa

diambil bagi menggantikan mereka yang bersara ataupun bagi memenuhi jawatan-jawatan baharu. Di antara itu pula perlu diadakan jawatan-jawatan bagi mengendalikan urusan-urusan dalam bidang-bidang yang baharu selaras dengan tuntutan zaman dan secukupnya dengan apa yang terdapat dan kehendak dan matlamat negara ini. Kelicinan dan kecekapan jabatan-jabatan Kerajaan tidak dapat dicapai dengan begitu sahaja ataupun dalam masa yang amat singkat.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya Rancangan Rukun Tetangga diperluaskan ke kampung-kampung sukalah saya memberi jaminan di dalam Dewan ini memanglah menjadi hasrat dan dasar Kerajaan untuk memperluaskan Rukun Tetangga ke kampung-kampung, dan ke desa-desa. Tetapi pada masa ini Kerajaan mahu menumpukan di Bandar-bandar Besar sahaja di mana keadaan keselamatan (security) memerlukan Rukun Tetangga dan juga di kampung-kampung yang ada implication keselamatan (security). Namun begitu, rakyat di seluruh negara bolehlah mengadakan kawalan dan rondaan-rondaan sendiri bagi menjagakan kampung halaman masing-masing, tak payahlah menantikan arahan-arahan dari Kerajaan bagi mengadakannya. Masaalah pengiktirafan/peresmian (formalisation) bolehlah dirunding kemudian hari kelak.

Mengenai dengan Gerakan Dakwah Islam dan taraf serta kedudukan Ketua-ketua Pentadbiran Ugama seperti Kadi dan Guru-guru Ugama yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, sukalah saya nyatakan di sini bahawa perkara ini telahpun dikaji dan perhatian yang berat terhadap perkara itu telah dan sedang diambil oleh Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam.

Untuk menjalankan kegiatan dakwah yang juga disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang dengan secara yang luas dan berkesan dan juga berkenaan taraf Ketua-ketua Pentadbir Ugama itu adalah urusan Kerajaan Negeri masing-masing. Bagi kita di Pusat, Kerajaan Persekutuan telah mengadakan Instituit Dakwah Pusat dan Latihan Islam, satu usaha untuk membantu Kerajaan-kerajaan negeri dalam penyebaran ugama Islam. Kerajaan telah memberi bantuan kepada Yayasan Dakwah Islamiah, setakat ini sebanyak \$200,000.00.

Kerajaan juga telah menubuhkan Yayasan Dakwah Islamiah yang sekarang ini sedang menyusun rancangan-rancangan termasuk sedang mengujud coordination dengan semua badan-badan dakwah di sleuruh tanah air bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak mencadangkan supaya sistem Buffer Stock diadakan untuk hasil-hasil selain daripada beras, yang terbit daripada Rancangan Buku Hijau. Dalam hal ini konsep stock sementara yang digunakan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara itu adalah sukar bagi digunakan bagi sayur-sayuran dan beberapa hasil pertanian yang mudah rosak oleh kerana iklim di negara kita. Walau bagaimanapun, mungkin konsep ini boleh dipertimbangkan bagi beberapa hasil pertanian yang tertentu sebagai satu langkah untuk menstabilkan harga bahan-bahan pertanian. Kerajaan akan mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Baling ingin tahu kejayaan Kempen Rancangan Buku Hijau, beliau berkata—rakyat baik di bandar atau di desa tertanya-tanya tentang hasil Kempen Buku Hijau ini. Kerajaan sedar masih banyak lagi kampung-kampung dan kawasan-kawasan yang tidak bercucuk tanam bagi keperluan mereka sendiri. Kerajaan hanya dapat merancangkan suatu programme dan memberikan panduan-panduan dan bantuan yang difikir perlu, seperti memberi benih-benih, panduan membaja, peluang menggunakan tanah atau land utilization dan sebagainya. Tanggungjawab bercucuk tanam adalah terletak di tangan rakyat yang berkenaan itu sendiri. Oleh kerana itulah Kerajaan masih terus-menerus berkempen untuk menggalakkan rakyat bercucuk tanam untuk kegunaan sendiri. Kesimpulan rakyat mestilah menunjukkan usaha demi faedah dan kebajikan mereka sendiri. Sungguhpun begitu, pada keseluruhannya Kerajaan puashati dengan kejayaan Kempen Buku Hijau tetapi peringkat kejayaan itu harus dipertinggikan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padawan, menyentuh soal pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat tetapi tidak cekap dalam menjalankan tugas-tugas mereka dan kemungkinan sistem kenaikan pangkat ada flaw atau cacat atau tidak adil. Di sini sukalah saya jelaskan bahawa urusan kenaikan pangkat adalah diselenggarakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang tertentu bagi Sabah dan Sarawak.

Di Semenanjung Malaysia pula, kenaikan pangkat ini diuruskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang tertentu. Tetapi jika ada pegawai-pegawai yang tidak puashati berkenaan dengan promotion mereka bolehlah membuat rayuan kepada Lembaga Rayuan berkenaan, mengikut peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam.

Dalam soal pembayaran elaun kepada pegawai-pegawai Persekutuan yang berkhidmat di Jabatan-jabatan Persekutuan di Sarawak dan; mereka dari Sarawak berkhidmat di Semenanjung perkara ini akan disiasat dan dikajikan.

Ahli Yang Berhormat dari Matang berkehendakkan sistem pendaftaran yang ada sekarang ini diperbaiki atau satu Sistem Baru yang boleh menjamin lebih ramai rakyat jadi Pengundi. Kerajaan berpendapat sistem yang ada sekarang ini adalah yang paling sesuai untuk diamalkan. Beberapa cadangan untuk mengubahkan sistem pendaftaran yang ada telahpun dikaji dengan teliti dan didapati kurang sesuai untuk dilaksanakan buat masa ini.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Ledang tentang cara Kerajaan berjimat-cermat, suka saya nyatakan di sini bahawa setiap usaha telah diambil dan akan diambil ke arah mengurangkan belanjanya. Umpamanya, tahun ini perbelanjaan bagi perayaan Hari Kebangsaan, pertandingan Al-Quran dan lain-lain lebih jauh lebih kurang jika dibandingkan dengan perbelanjaan-perbelanjaan pada tahun-tahun sebelumnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ledang Kerajaan tidak menghidangkan champagne dalam Majlis-majlisnya.

Mengenai layanan kepada Jumaah-jumaah Haji oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah ditegor oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani. Kononya, Jumaah-jumaah Haji menghadapi kesusahan membawa barang-barang berat mereka seperti tong sahara dan sebagainya ke atas kapal di pelabuhan Butterworth. Sebenarnya, urusan menaikkan Jumaah-jumaah Haji ke Kapal Laut di Dermaga Air Dalam Butterworth adalah lebih memberi kesenangan kepada mereka dari segi lalu-lintas, rumah kediaman dan sebagainya. Mengikut peraturan, semua barang-barang berat Jumaah-jumaah Haji hendaklah diserahkan kepada Sheikh-sheikh Haji tempatan (Malaysian Sheikh) dua atau tiga hari sebelum kapal berlayar dan menjadi tang-

gungjawab Sheikh-sheikh Haji itu membawa barang-barang berat Jumaah-jumaah Haji ke pelabuhan dan memasukkan barang-barang itu ke dalam petak kapal pada pagi atau sehari sebelum kapal itu bertolak. Jika semua Jumaah-jumaah Haji tuntut Sheikh-sheikh Haji mereka mengikut peraturan ini, mereka hanya perlu membawa barang-barang ringan sahaja ke atas kapal pada hari pelayaran.

Mengenai keadaan dalam gudang, tidaklah benar tuduhan yang mengatakan tidak ada kipas di situ, sebenarnya 11 buah kipas angin siling telah dipasang di situ dengan memakan belanja \$4,400.00 yang ditanggung oleh Tabung Haji sendiri. Kalau Ahli Yang Berhormat tak nampak kipas-kipas itu barangkali atau keadaan begitu panas, begitu hot, very warm and hot, 11 kipas tidak memadai. Mengenai gerai makanan pula, pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Prai, Butterworth telah mengeluarkan banyak lesen-lesen penjaja sementara di kawasan itu khas pada masa kapal-kapal Haji bertolak dan hal ini sepatutnya memberi kemudahan-kemudahan kepada Jumaah Haji dan saudara-mara yang menghantar mereka.

Mengenai barang-barang seperti tong sahara yang tidak boleh ditulis nama Sheikh Haji dan terjadinya perpisahan di antara suami isteri atau ahli keluarga semasa pembahagian Sheikh di Jeddah itu, suka saya menerangkan di sini bahawa kedua-dua masalah ini telah berlaku khasnya bagi Jumaah-jumaah Haji Malaysia yang telah sampai ke Jeddah dengan pelayaran pertama, iaitu Kapal Haji Ratu Timur yang telah tiba di pelabuhan Jeddah pada 28hb September, 1975 lalu. Jumaah Haji itu merupakan Kumpulan Perintis atau pioneer yang mula-mula sekali sampai ke pelabuhan Jeddah di bawah Peraturan Haji Baharu Kerajaan Arab Saudi. Walau bagaimanapun, kedua-dua masalah itu telah dapat diselesaikan setelah rundingan diadakan di antara pegawai-pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji dengan kakitangan Kerajaan Arab Saudi yang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Jumaah Haji yang tiba dengan Kapal Haji Pelayaran kedua serta melalui penerbangan-penerbangan seterusnya masalah itu tidak berbangkit lagi. Sesungguhnya saya berharap mereka yang hilang suami, sudah dapat balik suaminya dan suami yang telah hilang isteri, tidak kawin baru kerana telah dapat isteri lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, suka saya nyatakan di sini bahawa angka \$150 juta itu ialah suatu anggaran yang dibuat dengan jangkaan bahawa di samping pengeluaran minyak mentah oleh Sarawak Shell Berhad, Esso Sabah Berhad dapat mengeluarkan sebanyak 40,000 tong sehari. Walau bagaimanapun, angka ini tidak tercapai kerana pengeluaran oleh Esso Sabah hanyalah di antara 4,500 dan 5,000 tong sehari. Harga setong minyak mentah dijangka setabil pada US\$12.60 setong. Tetapi harga yang sebenar di pasaran adalah di antara US\$11.80 dan US\$12.60; ini menyebabkan terdapat perbezaan tentang apa yang dianggarkan dan apa yang sebenarnya berlaku.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat bahawa PETRONAS bertanggungjawab terus kepada Parlimen, suka saya menyatakan bahawa telah diperuntukkan di bawah Seksi 2 (1) Akta Kemajuan Petroleum, 1974 "PETRONAS diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965, atau di bawah undang-undang berkenaan dengan memperbadankan syarikat-syarikat." PETRONAS bukanlah sebuah Badan Berkanun tetapi sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan seperti lain-lain syarikat perniagaan.

Di bawah Seksi 2 (2) Akta Kemajuan Petroleum, 1974 PETRONAS adalah "tertakluk kepada kawalan dan arahan Perdana Menteri dan Perdana Menteri boleh dari masa ke semasa mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan patut dan perlu". Seksi 5 (1) dan (2) Akta tersebut juga menetapkan bahawa "suatu Majlis yang dinamakan Majlis Penasihat Petroleum Negara" ditubuhkan yang akan menasihatkan Perdana Menteri mengenai dasar, kepentingan dan perkara-perkara negara berkenaan dengan Petroleum, perusahaan petroleum, sumber tenaga dan penggunaannya. Ternyata bahawa perusahaan petroleum mendapat perhatian dan penelitian yang rapi oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teguran oleh Ahli Yang Berhormat dari Baram, saya suka terangkan di sini, bahawa 5% yang diberikan kepada Negeri Sarawak adalah dalam bentuk wang tunai. Selain daripada itu, Sarawak juga akan mendapat faedah-faedah secara "indirect" atau tidak langsung, iaitu melalui projek-projek yang berasaskan petroleum yang akan dijalankan nanti seperti projek gas cecair asli (LNG), pembinaan pelabuhan di Bintulu dan pem-

angunan infra-struktur berkaitan dengan projek-projek ini, disamping memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Sarawak yang akan menolong meninggikan lagi taraf hidup mereka. Oleh itu, nyatalah bahawa keuntungan yang akan diperolehi oleh Sarawak melebihi 5% sebenarnya.

Bagi menjawab teguran oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban, suka saya nyatakan di sini bahawa tuduhan beliau ini tidaklah tepat oleh kerana Syarikat Exxon hanya menggantungkan operationnya di Semenanjung Malaysia tetapi di Sabah syarikat ini mengeluarkan minyak mentah di antara 4,500-5,000 tong sehari. Lain-lain syarikat tetap terus menjalankan gerakan di bawah Peraturan Sementara di samping menunggu persetujuan mengenai perjanjian Production Sharing.

Semenjak Akta Kemajuan Petroleum (Pindaan), 1975 berjalan kuatkuasa, Petronas telah menerima sebanyak 11 permohonan dari syarikat-syarikat mencarigali untuk menjalankan operation di negara ini, di samping lain-lain permohonan bukan sahaja untuk meneruskan perusahaan yang ada sekarang tetapi juga untuk menjalankan urusan yang ada kaitan dengan petroleum. Ini jelas menunjukkan bahawa pelabur-pelabur masih lagi ada kepercayaan penuh bahawa Kerajaan akan menjalankan undang-undang itu dengan cara yang adil dan saksama. Undang-undang ini diadakan adalah demi untuk mengawal dan melindungi sumber asli negara ini yang mempunyai nilai yang tinggi, dan juga untuk menentukan bahawa hasil dan nikmatnya dirasakan oleh semua rakyat Malaysia sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah menimbulkan soal Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan Kerajaan Pusat dan Negeri yang tidak menjawab atau acknowledge surat-suratnya. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memberi jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan / permohonan-permohonan dan surat-surat yang diterima dari orang ramai atau pihak swasta dengan seberapa segera yang boleh. Mengenai suratnya yang telah hampir setahun dihantar ke Kementerian-kementerian / Jabatan-jabatan Kerajaan tetapi belum lagi dapat menerima apa-apa jawapan itu, bolehlah Ahli Yang Berhormat itu mengadu hal ini kepada Biro Pengaduan Awam di bawah Kementerian

Perancang Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi. Tujuan Kerajaan mengadakan Biro ini adalah untuk menolong orang ramai/pihak swasta dan mereka yang menghadapi masalah seperti Ahli Yang Berhormat ini. Berhubung dengan tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu terhadap sikap sebahagian pegawai-pegawai Kerajaan sebagai "tuan Rakyat," tidaklah dapat dinafikan oleh kerana daripada bera-tus-ratus ribu pegawai Kerajaan di semua peringkat mungkin ada sebahagian-sebahagian kecil yang berlagak seperti itu.

Sebenarnya pegawai-pegawai Kerajaan di-gaji khas untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat. Perbuatan sedemikian tidak digalakkan bahkan dikutuk oleh Kerajaan dan pemimpin-pemimpin Kerajaan. Sekiranya Yang Berhormat itu tidak puas hati dengan Pegawai-pegawai Kerajaan tertentu beliau bolehlah melapurkan hal tersebut kepada ketua-ketua jabatan mereka atau terus ke Jabatan Perdana Menteri dengan memberi nama dan perbuatan yang tidak disukai oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya dapat disiasat dan tindakan diambil jika tuduhan itu benar dan menasabah. Tidakkah adil bagi seorang itu membuat tuduhan yang meluas dan umum terhadap pegawai-pegawai Kerajaan kerana saya percaya cuma sebilangan kecil sahaja yang berkelakuan seperti yang dituduh oleh Yang Berhormat itu. Tindakan tata tertib akan diambil dan telah diambil dari semasa ke semasa mengikut peraturan-peraturan yang ada dalam Perkhidmatan Awam terhadap Pegawai-pegawai yang menyusahkan rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mendakwa bahawa keadaan politik, sosial dan keselamatan yang tidak stabil telah diperkukuhkan lagi oleh kegagalan Kerajaan untuk menghapuskan rasuah. Itu tidak benar. Kerajaan yang ada pada hari ini ialah sebuah Kerajaan yang stabil yang mempunyai mandat yang besar daripada rakyat yang berbilang bangsa dan boleh menjamin kesejahteraan dan keselamatan semua warganegara. Undang-undang yang dibuat adalah untuk menjaga kepentingan negara ini dan rakyat yang taat setia dan tidak bersalah tidak perlu bimbang terhadap undang-undang ini dan pelaksanaannya.

Ahli Yang Berhormat dari Pantu menyen-tuh pemotongan gaji Yang Berhormat Menteri-menteri sebanyak 5% itu adalah diibarat-

kan sebagai air setitik di dalam lautan yang luas. Potongan gaji sebanyak 5% ke atas gaji Menteri-menteri, Timbalan Menteri-menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen menunjukkan betapa beratnya pandangan Kerajaan terhadap kedudukan ekonomi negara kita dan terhadap langkah jimat cermat yang dijalankan. Adalah diharapkan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan itu akan menjadi contoh yang akan diikuti pula oleh golongan-golongan lain termasuk Ahli Yang Berhormat dari Pantu.

Mengenai lawatan-lawatan keluar negeri, Kerajaan sentiasa mengawasinya dan memastikan hanya lawatan-lawatan yang boleh memberi faedah kepada negara ini sahaja dibenarkan, iaitu seperti lawatan-lawatan yang boleh menghasilkan atau menarik penanaman modal ke Malaysia atau untuk menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa yang menguntungkan kita. Kerajaan juga sentiasa mengawasi keanggotaan supaya bilangan yang perlu sahaja dibenarkan untuk menyertai rombongan-rombongan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar ada mencadangkan supaya penerbangan bakal-bakal Haji diadakan juga di tempat-tempat lain selain dari Kuala Lumpur pada masa akan datang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu perkara ini dalam pertimbangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak dapat melaksanakan cadangan itu pada masa sekarang oleh kerana tidak ada kemudahan-kemudahan khasnya dari segi pentadbiran di Lapangan Terbang Butterworth, Kota Bharu dan Johor Bahru.

Mengenai Kapal Terbang lewat dalam penerbangan-penerbangan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya nyatakan di sini bahawa perkara ini terjadi dalam penerbangan-penerbangan permulaan sahaja dan diharap tahun-tahun hadapan perkara ini tidak akan berlaku lagi kecuali di atas perkara yang di luar dugaan.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Payang, Kerajaan adalah memberi perhatian yang berat di atas cadangannya oleh kerana itu selaras dengan prinsip Rukun Negara kita.

6.10 ptg.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya

bangun untuk menjawab beberapa teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara-perkara di bawah portfolio Kementerian saya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1976. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat terhadap aktiviti-aktiviti Kementerian saya dan mengemukakan beberapa cadangan-cadangan yang membina.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menyatakan kebimbangannya terhadap projek pembinaan Jambatan menghubungkan Pulau Pinang dan Tanah Besar Semenanjung. Sukacita saya memberitahu bahawa peruntukan tanda sebanyak \$10 untuk projek tersebut tidaklah menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak mengambil berat tentang projek tersebut. Sebagaimana yang telah diumumkan Kerajaan Persekutuan telahpun memberi jaminan bahawa jambatan tersebut akan dibina, tetapi oleh kerana perbelanjaan sebenar bagi projek tersebut belum lagi dapat ditentukan hanya satu peruntukan tanda sebanyak \$10 diberikan. Peruntukan yang sebenar akan diadakan apabila kerja-kerja kajian dan rekabentuk siap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat sedang pada masa sekarang ini mengambil tindakan yang aktif untuk melaksanakan projek ini. Sebuah firma perunding telah dilantik untuk menjalankan suatu kajian Traffic dispersal di Pulau Pinang. Kajian ini diperlukan oleh kerana adalah dijangka bahawa sistem lalu lintas di Pulau Pinang akan berubah dengan sebesar-besarnya apabila jambatan itu dibina dan adalah dijangka juga bahawa rangka jalan yang ada di Pulau Pinang tidak akan mencukupi keperluan lalu lintas pada masa itu. Oleh itu, kajian yang sedang dijalankan akan menentukan di mana-mana kerja pembaikan hendak dijalankan. Kajian ini adalah hampir siap.

Selain dari itu 9 buah Firma Jurutera Perunding Antarabangsa telah dijemput untuk mengemukakan cadangan-cadangan untuk merekabentuk dan memberi perkhidmatan penyeliaan bagi pembinaan jambatan ini. Tarikh tutup penerimaan cadangan tersebut ialah 30-11-75. Cadangan-cadangan yang diterima akan dikaji oleh Kerajaan untuk memilih sebuah firma perunding yang sesuai sekali untuk menjalankan kerja ini. Perlantikan Jurutera Perunding dijangka akan dibuat pada bulan Mac, 1976. Mengikut jadual

pembinaan jambatan dijangka akan bermula pada Mac, 1978 dan siap pada Mac, 1982.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah membangkitkan masalah kekurangan bekalan air negeri Perlis dan menggesa Kerajaan mengambil usaha mengatasi masalah tersebut. Kementerian saya sedar masalah tersebut dan memang benar seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa masalah yang dihadapi di Perlis ialah kekurangan sumber-sumber untuk bekalan air. Walau bagaimanapun, sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan sedang melaksanakan beberapa projek tertentu untuk menambatkan bekalan air di negeri tersebut. Projek bekalan air Perlis Utara (Arau/Kangar) yang akan memakan belanja sebanyak \$3.5 juta akan mempunyai keupayaan sebanyak 3.3 juta gelen sehari apabila siap dalam bulan Julai 1977. Projek kedua ialah Rancangan Bekalan Air Padang Besar yang akan mempunyai satu keupayaan sebanyak 120,000 gelen sehari. Projek ini adalah dijangka siap pada tahun 1977 juga dengan perbelanjaan sebanyak \$447,000. Apabila kedua-dua projek ini siap adalah dijangka sebanyak 86,000 orang penduduk di kawasan-kawasan seperti Sena, Sg. Adam, Arau, Kayang, Serikat, Kuala Perlis dan lain-lain akan diberikan bekalan air.

Selain daripada itu, Kerajaan di bawah Rancangan Bekalan Air Luar Bandar telah dalam tahun 1974 melaksanakan 7 buah projek dengan satu perbelanjaan sebanyak \$108,000 dan bagi tahun ini sebanyak 10 buah projek baru telahpun diluluskan dengan perbelanjaan sebanyak \$110,000.

Dengan ini boleh dinyatakan bahawa Kerajaan telahpun mengambil semua langkah yang mungkin tertakluk kepada had-had kewangan untuk memberikan bekalan air kepada rakyat kita bukan sahaja di bandar-bandar tetapi juga di kawasan luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dalam ucapannya telah menyentuh tender-tender untuk pembinaan bangunan-bangunan Kerajaan kepada pemborong-pemborong Bumiputra dan menggesa Kerajaan lebih awas lagi dalam pemberian tender-tender. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan berhasrat untuk mencapai matlamat 30% penyertaan Bumiputra di dalam bidang

perusahaan dan perindustrian termasuklah perusahaan pembinaan. Untuk mencapai matlamat ini satu Unit Pemborong Bumiputra telah ditubuhkan di Kementerian saya dan hasilnya penyertaan Bumiputra dalam bidang pembinaan adalah menggalakkan. Dalam tahun 1974 sebanyak \$210,375,250 nilai kerja-kerja diberikan kepada pemorong-pemborong Bumiputra berbanding dengan nilai keseluruhan sebanyak \$534,271,340 iaitu lebih kurang 30%.

Di peringkat permulaan, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pemborong-pemborong Bumiputra adalah kurang dari segi pengalaman dan oleh yang demikian mereka terpaksa menghadapi berbagai-bagai masalah dan bagi pihak Kerajaan dengan tujuan untuk mencapai matlamat yang dikehendaki terpaksa jugalah menerima hakikat ini. Walau bagaimanapun, saya sukacita memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa selain dari membantu kontraktor-kontraktor menjalankan kerja-kerja mereka seperti memberi nasihat-nasihat teknikal, Lembaga Tawaran J.K.R. telahpun mengambil tindakan memeriksa keupayaan, kebolehan dan keadaan kewangan tiap-tiap pemborong sebelum mereka didaftarkan dengan J.K.R. dan diberi sebarang pekerjaan.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah menarik perhatian berhubung dengan jalanraya Port Weld—Matang yang dikatakan telah rosak akibat banjir yang sering berlaku di jalan tersebut. Saya diberitahu bahawa langkah-langkah jangka pendek seperti pembinaan semula batas (bund) dan memperbaiki bahagian-bahagian yang rosak adalah sentiasa dijalankan oleh J.K.R. Negeri Perak, sementara cadangan untuk meninggikan kawasan jalan yang dilanda banjir itu telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk dipertimbangkan.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan masalah kelambatan pihak J.K.R. untuk mendirikan projek-projek tertentu seperti pembinaan sekolah-sekolah yang mana menurut beliau disebabkan oleh kekurangan pegawai-pegawai. Beliau mencadangkan supaya pegawai-pegawai J.K.R. ditambahkan supaya pembinaan sekolah-sekolah dapat dijalankan tanpa apa-apa gangguan. Khususnya di Negeri Perak, pada masa sekarang terdapat lebih 200 projek-projek pelajaran di bawah jagaan J.K.R. di

samping kerja-kerja penyenggaraan projek-projek yang lain. Sungguhpun memang terdapat kekurangan pegawai-pegawai terutamanya Pembantu-pembantu Teknik, usaha-usaha adalah dibuat untuk melaksanakan projek-projek tersebut mengikut yang dijadualkan. Kementerian saya juga berusaha untuk memenuhi kekosongan-kekosongan jawatan seperti Jurutera-jurutera, Pembantu-pembantu Teknik dan Juru-juruteknik.

Ahli Yang Berhormat dari Padawan telah menimbulkan soal pembinaan jalanraya yang besar berbanding dengan jalan-jalan luar bandar. Beliau telah menyebutkan bahawa sebuah jalanraya besar memakan belanja lebih kurang sebanyak \$750,000 sebatu sedangkan sebuah jalan luar bandar hanya memerlukan perbelanjaan sebanyak \$30,000 sebatu. Pada pertamanya, sukacita saya memaklumkan bahawa pembinaan jalan luar bandar adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan oleh hal yang demikian saya mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan Kerajaan Negeri terhadap perkara ini.

Walaupun bagaimanapun, saya telahpun diberitahu oleh Kerajaan Negeri Sarawak bahawa banyak cadangan-cadangan telahpun dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan rancangan-rancangan ini boleh diberitahu kepada Ahli Yang Berhormat apabila Rancangan Malaysia Ketiga itu diluluskan nanti. Saya juga telah diberitahu bahawa cadangan peruntukan bagi pembinaan jalan luar bandar adalah banyak.

Sebelum jalan-jalan dibina, perancangan hendaklah diadakan dan pada biasanya rangka jalanraya besar dibina terlebih dahulu untuk membolehkan "feeder road" atau jalan-jalan luar bandar dibina untuk menghubungkan kampung-kampung ke jalanraya yang telahpun dibina itu. Satu sistem jalanraya-jalanraya yang cekap adalah penting untuk pembangunan oleh kerana ianya akan membolehkan bukan sahaja hasil daripada kawasan luar bandar dapat dihantar ke bandar-bandar dengan cepat tetapi juga akan membolehkan kenderaan-kenderaan dan alat-alat moden dihantar untuk mempercepatkan kadar pembangunan. Oleh hal yang demikian, kita tidak boleh meninggalkan pembinaan jalanraya besar (trunk road) dan mengumpulkan usaha-usaha kita kepada pembinaan jalan-jalan luar bandar sahaja.

Saya juga ingin menjelaskan berkenaan permintaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sarawak yang lain supaya dibinakan lebih banyak lagi jalan-jalan di luar bandar di Negeri tersebut. Saya suka memaklumkan bahawa perkara tersebut yang mana adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri akan diambil perhatian. Kementerian saya akan mengemukakan cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk pertimbangan. Setakat mana yang saya tahu Kerajaan Negeri Sarawak telah memberikan peruntukan yang besar dalam tahun 1975 untuk pembinaan jalan-jalan di luar bandar dan rancangan ini sedang dijalankan dengan lancarnya sekarang.

6.20 ptg.

Menteri Tenaga, Tekonologi dan Penyelidikan (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan masaalah-masaalah atau teguran-teguran terhadap bekalan letrik di luar bandar. Kebanyakan sungutan-sungutan itu ialah berkenaan dengan bekalan letrik di kampung-kampung yang mana kampung-kampung sebelah kiri dan kanan telahpun ada tetapi kampung-kampung di tengahnya tertinggal. Sayugia diingatkan bahawa sungguhpun nampaknya senang untuk menyambung ke kampung-kampung yang dianggap tertinggal itu, sambungan ke tempat-tempat itu akan memakan belanja yang agak besar dan tempat-tempat yang dikatakan tertinggal itu memerlukan pencawangan (transmission station) atau sebagainya.

Sebagaimana termaklum perbelanjaan bekalan letrik luar bandar dibiayai oleh Kerajaan Negeri 1/3, Kerajaan Pusat 1/3 dan Lembaga Letrik Negara 1/3. Diharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengemukakan kampung-kampung yang tertinggal itu kepada Jawatankuasa Tindakan Negeri yang mana akan menentukan keutamaan mengikut keadaan kewangan negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, saya mengambil ingatan kawasan-kawasan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kajian bersama antara Kementerian saya dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua tujuan Kerajaan menubuhkan Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam ialah untuk menyelaraskan dan mengawasi perjalanan perbadanan-perbadanan awam. Maka oleh itu tidaklah benar seperti mana yang dikatakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa tidak adanya satu jentera yang effective untuk mengawasi perjalanan perbadanan-perbadanan awam ini. Kementerian ini ditubuhkan dengan mempunyai tugas-tugas bukan sahaja mengawasi, tetapi mendorong, menyelaras dan memberi panduan atas perjalanan perbadanan-perbadanan awam. Oleh yang demikian, adalah dirasakan tidak perlu diadakan satu "watch dog committee" untuk meneliti perbelanjaan wang Kerajaan oleh badan-badan ini dan penelitian ini memadailah dijalankan oleh Kementerian ini.

Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam memang mengkaji segala perbelanjaan yang dilakukan oleh perbadanan-perbadanan awam supaya menepati kepada matlamat yang ada pada badan-badan tersebut serta memberi faedah yang sepenuhnya. Segala perbelanjaan yang dianggap tidak berfaedah atau merugikan akan dielakkan. Di samping itu pula Kementerian ini sedang merangka beberapa pindaan kepada Akta-akta Perbadanan-perbadanan Awam bagi membolehkan Menteri yang berkenaan mempunyai kuasa yang lebih dan tegas di dalam memberi sebarang arahan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Perbadanan-perbadanan awam itu. Buat masa ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam telahpun mengeluarkan arahan di mana tiap-tiap satu projek baru yang hendak dijalankan oleh satu-satu perbadanan awam itu mestilah mendapat kelulusan Menteri terlebih dahulu sebelum dilaksanakan. Ini adalah satu daripada cara-cara di mana Kerajaan dapat mengawasi perbelanjaan peruntukan Kerajaan oleh perbadanan-perbadanan awam dengan lebih berkesan lagi sesuai dengan matlamat yang ada pada badan-badan itu.

Mengenai masaalah perbadanan awam tidak menjalankan usaha-usaha yang menguntungkan, suka saya maklumkan bahawa salah satu tujuan ditubuhkan perbadanan

awam ialah untuk membantu Kerajaan menyusun semula masyarakat dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Contohnya, MARA ditubuhkan untuk mendorong, membimbing dan menolong bumiputra menyertai dan mencapai kejayaan di dalam bidang perdagangan dan perusahaan. UDA ditubuhkan dengan objektif untuk mempercepat penyertaan bumiputra di bidang-bidang perniagaan, di bandar dan kawasan-kawasan baru di samping membangunkan harta dan menyusun semula masyarakat di bandar-bandar. Tugas ini adalah sama dengan tugas-tugas yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri. Bagi melaksanakan tugas-tugas ini maka badan-badan ini menubuhkan anak-anak syarikat masing-masing untuk mencapai objektifnya.

Kita tidak boleh mengukur kejayaan badan-badan awam mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat dan Dasar Ekonomi Baru ini dengan hanya menilai imbalan kira-kira anak-anak syarikatnya. Pertimbangan perlu juga diberi kepada keuntungan sosial (social profit) yang telah dapat diwujudkan oleh badan-badan ini. Contohnya, melalui beberapa perbadanan awam seperti MARA, UDA dan PERNAS, badan-badan ini telah dapat mewujudkan kira-kira 50,000 usahawan-usahawan bumiputra. Kejayaan ini tidaklah dapat diterjemahkan dalam ringgit dan sen atau melalui imbalan kira-kira masing-masing. Namun demikian, saya akui bahawa ada usaha-usaha niaga yang dijalankan oleh perbadanan-perbadanan awam melalui anak-anak syarikatnya yang belum lagi mendatangkan keuntungan. Ini disebabkan pertamanya dalam perniagaan, masaalah untung-rugi adalah perkara biasa.

Kedua, kebanyakan usaha-usaha itu adalah baru dan sedang dimajukan.

Ketiga, Kementerian telah mengambil tindakan meminta badan-badan ini menyatukan dan memperbaiki lagi kedudukan perjalanan anak-anak syarikatnya sebelum berkembang ke bidang-bidang yang baru.

Berkenaan dengan masaalah kurangnya butir-butir untung-rugi syarikat perbadanan-perbadanan awam sebagaimana yang di-

bangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa syarikat-syarikat perbadanan-perbadanan awam ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat dan yang demikian prestasi kewangan syarikat ini ada dikemukakan kepada Pendaftar Syarikat seperti yang diperuntukan oleh undang-undang. Oleh yang demikian, adalah tidak benar bahawa butir-butir kewangan syarikat ini sangat berkurangan didapati.

Berhubung dengan masaalah latihan yang dapat diadakan oleh perbadanan awam bagi mengujudkan satu golongan peniaga-peniaga bumiputra yang lebih berjaya memanglah menjadi salah satu tugas perbadanan awam untuk melatih bumiputra dalam bidang-bidang ini. Misalnya, melalui beberapa perbadanan awam seperti PERNAS, MARA, UDA dan beberapa Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri melalui anak-anak syarikat masing-masing kira-kira 1,000 orang Pegawai Eksekutif Bumiputra telahpun diberi peluang pekerjaan dan juga latihan untuk menyertai dengan lebih giat lagi dalam bidang-bidang perniagaan, perindustrian, perkilangan dan sebagainya. Bagi menambah jumlah ini, MARA melalui rancangan pinjamannya telahpun mengeluarkan biasiswa dan pinjaman kepada 9,202 orang sehingga akhir 1974.

Menyentuh tentang bilakah saham-saham syarikat-syarikat perbadanan awam ini akan diserahkan kepada bumiputra, saya suka menyatakan bahawa satu Jawatankuasa Tetap "Pemindahan Hakmilik Perusahaan Awam kepada Bumiputra" telah ditubuhkan untuk mengkaji cara-cara bagaimana dasar ini dapat dilaksanakan. Perakuan-perakuan Jawatankuasa ini diharap dapat dikemukakan kepada Majlis Tindakan Negara sebelum akhir tahun ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sambung esok.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 21hb November, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.